

**LIMA TOKOH ULAMA YANG MEMAINKAN  
PERANAN PENTING DALAM PERKEMBANGAN ILMU  
DI NEGERI KELANTAN (1860–1940)\***

*Oleh*

NIK ABDUL AZIZ BIN HJ. NIK HASSAN

Di antara tahun 1860–1940 Negeri Kelantan telah mengalami suatu perkembangan ilmu yang pesat. Bermula dengan pengaliran ilmu Tasawuf yang mendalam dan amalan Tariqah serta ilmu Feqah Shaffiyah Usuluddin, Nahu Arab dan Saraf dalam penghujung tahun 1860 an melalui Tuan Tabal, negeri ini telah didatangi pula oleh aliran Islah mulai dalam awal abad ke 20 dan diminati pula oleh salah seorang ulama tempatan bernama Hj. Wan Musa bin Hj. Abdul Samad. Aliran Islah ini menyeru ulama-ulama supaya kembali kepada ajaran Al-Quran dan Al-Hadith serta mengamalkan ijtihad. Di samping itu dalam awal abad ke 20 terdapat juga di Negeri ini kegiatan mengajar ilmu Hadith, mantiq, Falsafah, Ballaghah, feqah Hanfiah yang dikendalikan oleh seorang ulama yang datang daripada India yang dikenali umum dengan nama Tok Khurasan dan kegiatan mengajar ilmu nahu arab dan saraf secara mendalam oleh Tok Kenali. Pola perkembangan ilmu sehingga awal abad ke 20 ini seterusnya telah mengakibatkan pula kepada mengalirnya suatu aliran ilmu yang mendalam ke negeri ini iaitu Tariq Shah Waliullah al-Dihlavi dalam penghujung tahun 1934.<sup>1</sup> Pendekatan Tariq Shah Waliullah al-Dihlavi ini di dalam menentukan kebenaran ajaran agama ialah melalui ketiga-tiga aspek iaitu Naqal, aqal dan Khasaf.<sup>2</sup> Pengaliran Tariq ini ke Negeri Kelantan adalah melalui seorang ulama yang bernama Hj. Nik Abdullah bin Hj. Musa. Memandangkan kepada besarnya peranan kelima-lima ulama tadi di negeri Kelantan di dalam mencorak dan mempertingkatkan perkembangan ilmu agama di Negeri ini maka penulis akan memperihalkan latar belakang keluarga, latar belakang Pendidikan, perwatakan, kegiatan dan sambutan masyarakat ke atas ulama-ulama itu secara sepintas lalu.

---

\* Di dalam penulisan makalah ini penulis tidaklah sekali-kali bertujuan hendak memperkecilkan peranan ulama-ulama selain daripada kelima-lima ulama yang akan penulis perihalkan nanti. Memang kesemua ulama di Negeri Kelantan ada peranan masing-masing dalam mempertingkatkan dan mentarbiyahkan pemikiran dan sikap hidup masyarakat umum. Apa yang penulis hendak perkatakan di sini ialah kelima-lima ulama yang akan digambarkan nanti dalam makalah ini memainkan peranan penting dalam mempolarisasikan serta mempertingkatkan perkembangan ilmu di Negeri ini. Untuk pengetahuan yang lebih lanjut sila lihat Nik Abdul Aziz bin Hj. Nik Hassan, "Approaches to Islamic Religious Teachings in the State of Kelantan Between 1860 and 1940," kertas kerja yang dibentangkan oleh penulis di *The Eighth Conference International Association of Historian of Asia*, Kuala Lumpur pada 25–29hb. Ogos 1980.

- 1 Tariq Shah waliullah al-Dihlavi ialah suatu aliran ilmu yang diasaskan oleh seorang Mujaddid Islam yang terkenal yang dikenali umum dengan nama Shah,Waliullah al-Dihlavi. Aliran ilmu ini diasaskan oleh beliau di India dalam abad ke delapan belas berasaskan kepada Al-Quran, Hadith dan pandangan ulama-ulama Islam yang otoritas pada masa yang sebelum. Untuk melihat keistimewaan ilmu tariq ini di Negeri Kelantan, juga boleh didapati di dalam kertas kerja penulis yang berjudul "Approaches to Islamic Religious Teachings in the State of Kelantan Between 1860 and 1940".
- 2 Naqal membawa erti kepada suatu rujukan kepada Al-Quran dan Al-Hadith mengikut metodologi-metodologi tertentu. Aqal membawa erti kepada penggunaan aqal yang rasional berasaskan kepada sebab musabab (reason) dengan berpendudukan kepada pengertian Al-Quran dan Al-Hadith. Khashaf pula ialah sesuatu pengalaman rohaniyah dengan alam hakikat secara hati batin.



Keperibadian tentang ulama-ulama ini akan diselenggarakan secara berasingan mengikut aturan kronologi.

### Tuan Tabal ( 1840 –1891)

Tuan Tabal adalah pengasas ilmu agama secara mendalam di Negeri Kelantan.<sup>3</sup> Beliau adalah ulama sufi yang berwibawa di Negeri ini. Ditengah-tengah kejahilan anggota masyarakat, beliau mengorak langkah ke arah merialisasikan mereka tentang peripentingnya dijiwai hidup di dunia ini dengan ajaran tasawuf demi untuk mendapat keredaan Allah S.W.T. di Dunia dan di akhirat kelak.

Nama Tuan Tabal yang sebenarnya ialah Hj. Abdul Samad bin Mohd. Salleh. Beliau mendapat gelaran yang demikian justru kerana beliau lahir dan dibesarkan di Tabal (sekarang termasuk dalam wilayah Selatan Siam dan bersempadan dengan Negeri Kelantan) Sesungguhnya telah menjadi tradisi di kalangan masyarakat Islam apabila munculnya seseorang ulama yang mashyur maka ulama itu akan diberi gelaran nama tempat asal di mana beliau dilahirkan dan dibesarkan.

Lahir di dalam keluarga yang sederhana hidupnya, di mana bapanya bertugas sebagai seorang imam, Tuan Tabal semenjak umur awal belasan tahun lagi cenderung untuk hidup sebagai seorang yang warak. Kecenderungan untuk hidup demikian mungkin timbul justru kerana proses pendidikan yang beliau terima daripada Ayahandanya. Sesungguhnya ayahanda beliau yang bertugas sebagai imam di Tabal ialah seorang yang taat beragama dan warak.

Seperti ramai kanak-kanak yang lain di Tabal, Tuan Tabal semasa berumur demikian belajar mengaji Al-Quran dan beberapa pengetahuan asas tentang agama iaitu rukun Islam, rukun Imam dan pelajaran fardhu Ain di masjid kampungnya. Selepas mendapat pendidikan asas ini, dalam waktu umur pertengahan belasan tahun, beliau dikhabarkan pergi ke Besut, Trengganu untuk mempelajari ilmu agama di sana.<sup>4</sup> Selepas beberapa tahun mendapat pendidikan asas di dalam nahu Arab, saraf, feqah Shaffiyah, tasawuf dan usuluddin beliau pergi ke Mekah untuk mendalami ilmu agama di sana.

---

3 Penulisan tentang Tuan Tabal ini penulis selenggarakan berasaskan kepada bahan-bahan tulisan dan bahan-bahan lisan. Bahan-bahan tulisan yang ada terdapat membicarakan tentang beliau ialah seperti berikut: Muhammad Uthman El Muhammady, "Ajaran Tasawuf Tuan Tabal dalam Jala Al Qulub", di dalam *Journal Nusantara*, Bil. 1. Januari, DBP, K.L., h. 114–133. Drs. Abdul Rahman Al Ahmadi, *Pengantar Sastra*, PAP, Kelantan, 1966, h. 158. Muhd. Zain bin Mat Yamin, Tuan Tabal (Hj. Abdul Samad bin Mohd. Salleh Al Kelantani) 1840–1891, Latihan Ilmiah untuk Sarjana Muda Peringkat Kepujian, IBKKM, UKM, 1978/79. (tidak dicetak). Hj. Nik Muhd Salleh bin Wan Musa dan S. Osman Kelantan, "suatu gerakan Pembaharuan (reformasi) Agama Islam di Kelantan I dan II (Dari Tuan Tabal (1816–1891) sampai Hj. Nik Muhd. Salleh)" [essei yang tidak dicetak] . h. 2.

4 Berpandu kepada tulisan-tulisan tentang Tuan Tabal, beliau dikatakan mendapat pendidikan di Petani sebelum pergi melanjutkan ilmu ke Mekkah Kenyataan-kenyataan di atas dibuat berasaskan kepada kenyataan-kenyataan umum bahawa Tuan Tabal pergi belajar di Petani sebelum melanjutkan pelajarannya ke Mekkah. Sesungguhnya Petani adalah merupakan pusat pengajian Islam yang terkemuka dalam abad ke 19. Walaupun tulisan-tulisan



Di Makkah Tuan Tabal banyak menghabiskan masanya mendampingi dirinya dengan Sidi Ibrahim. Daripada Sidi Ibrahim inilah beliau mempelajari amalan Tariqah Ahmadiyah dan mendalami ilmu Tasawuf.<sup>5</sup> Sidi Ibrahim ialah murid kepada Sidi Ahmad Ibnu Idris pengasas amalan Tariqah Ahmadiyah.<sup>6</sup> Walaupun Tuan Tabal banyak menumpukan masanya kepada amalan Tariqah dan mendalami ilmu tasawuf ini tidaklah pula bermakna beliau mengenyahkan langsung ilmu-ilmu yang lain. Semasa di Makkah beliau juga ada mempelajari ilmu feqah, shaffiyah, usuluddin, tafsir, hadith, nahu arab, saraf, mantiq, ballaghah, arud dan lain-lain.

Selaku seorang Sufi, Tuan Tabal hidup sebagai seorang zahid. Semasa di Makkah beliau menghabiskan hanya empat gantang beras dalam masa setahun. Beliau banyak menghabiskan masa mendalami ilmu dan beribadah, termasuk berpuasa. Salah seorang rakan karib beliau di Makkah ialah Hj. Muhammad Said. Hj. Muhammad Said ialah seorang ulamak tasawuf yang terkenal di Negeri Sembilan dan pengasas amalan Tariqah Ahmadiyah di Negeri itu.

Sekembalinya Tuan Tabal ke Kampung asalnya daripada Makkah dalam pertengahan kedua tahun 1860an beliau bergiat mengajar agama kepada penduduk-penduduk kampungnya. Kegiatan pengajarannya telah mendapat sambutan yang hebat daripada orang ramai. Selaku seorang Sufi, di samping mengajar beliau juga kuat beribadah dan berkhawat.<sup>7</sup> Dikatakan di dalam suatu peristiwa beliau ada berkhawat selama 41 hari dan 41 malam di bawah sepohon kayu rendang lebih kurang 1½ batu daripada rumahnya. Dalam masa berkhawat ini beliau cuma makan buah 'berteh' sahaja. Pada masa inilah nama beliau selaku seorang sufi yang alim mulai terdengar bukan sahaja di Kampungnya akan tetapi juga di kalangan orang ramai di Kota Bharu, Kelantan. Berita kealiman beliau itu juga sampai ke

---

itu menyatakan bahawa Tuan Tabal pergi belajar ke Petani sebelum melanjutkan pelajarannya ke Makkah, akan tetapi penulis lebih berkeyakinan bahawa Tuan Tabal pergi belajar agama ke Besut Trengganu dan tidak ke Petani. Keyakinan demikian timbul kepada Penulis berasaskan kepada temuramah penulis dengan seorang Iman di Tabal bernama Abdul Samad bin Ibrahim pada 8/4/76. Beliau pula mendengar kenyataan demikian daripada Datuknya yang kebetulan pula kawan karib Tuan Tabal.

- 5 Berpandukan kepada tulisan-tulisan tentang Tuan Tabal juga, beliau dikatakan menerima Tariqah Ahmadiyah daripada Sidi Muhd Denderawi. Sesungguhnya Sidi Muhamad Denderawi ialah murid kepada Sidi Ibrahim. Pada keyakinan penulis Tuan Tabal menerima Tariqah Ahmadiyah itu daripada Sidi Ibrahim. Keyakinan ini timbul kepada penulis apabila terlihat, satu risalah tulisan tangan yang dipercayai dihasilkan oleh salah seorang murid Tuan Tabal. Risalah itu mengatakan Tuan Tabal menerima tariqah Ahmadiyah daripada Sidi Ibrahim. Demikian kenyataan orang-orang yang tua yang tinggal berdekatan dengan surau Tuan Tabal di Lorong Tok Semion Kota Bharu, Kelantan. Tentang risalah tulisan tangan itu ada dalam simpanan Hj. Nik Ismail bin Hj. Nik Abdul Rahman cucu Tuan Tabal yang sekarang tinggal di Lorong Tok Semian.
- 6 Sidi Ahmad Ibnu Idris ialah seorang wali yang berasal dari Morocco, Afrika Utara. Beliau meninggal dunia dalam tahun 1837.
- 7 Berkhawat ialah suatu amalan orang Sufi dengan bertujuan untuk mendampingi dirinya dengan Allah S.W.T. Amalan ini dilakukan dengan mengasingkan dirinya daripada orang ramai seperti tinggal di dalam bilik atau di gua keseorangan, sambil mengingati dan menzikirkan nama Allah S.W.T.



pengetahuan salah seorang yang ternama di Negeri ini yang dikenali umum dengan nama Tok Semian (juru tulis).<sup>8</sup> Pada masa inilah nama beliau telah disebut-sebut sebagai Tuan Tabal di kalangan orang ramai di Kota Bharu. Demi untuk membolehkan Tuan Tabal menjadi anggota keluarganya dan menetap berkhidmat di Kota Bharu, maka Tok Semian pergi ke Tabal dan menawarkan anaknya Wan Som untuk diisterikan oleh Tuan Tabal, serta menjemput beliau datang ke Kota Bharu. Cita-cita dan hasrat Tok Semian itu kemudiannya dipersetujui oleh Tuan Tabal:

Di Kota Bharu, Tuan Tabal tinggal di Lorong Tok Semian. Disitulah beliau telah diwakafkan oleh Raja Muda Negeri Kelantan yang bernama Tengku Zainal Abidin, kayu-kayan untuk beliau mendirikan sebuah surau. Selaku seorang yang juga berkemahiran dari segi seni pertukangan tangan, beliau dengan pertolongan beberapa murid-muridnya telah mendirikan Surau di Lorong Tok Semian berdekatan dengan rumahnya. Di surau itulah beliau menghabiskan sebahagian besar hidupnya untuk mengajar, menulis dan beribadah. Di Kota Bharu beliau dikenal alim dalam ilmu Tasawuf, feqah, usuluddin nahu arab dan saraf. Seperti juga di Mekkah dan di Tabal semasa di Kota Bharu beliau banyak menumpukan kepada ilmu Tasawuf. Penumpuan kepada ilmu ini memberi kelazatan kepada beliau. Kemampuan beliau dalam ilmu ini sampai ke peringkat Doktrins wahdatul-wujud. Wahdatul-wujud ialah satu Doktrins yang diasaskan oleh seorang ulama Islam yang terkenal bernama Sheikh Muhy-ud-Din Ibn-ul-Arabi. Doktrin ini membawa maksud kepada kesaan keujudan dengan erti bahawa tiada yang wujud melainkan Allah. Satu keistimewaan dalam ajaran Tuan Tabal beliau menyatukan ilmu Tasawuf dengan ilmu feqah. Sesungguhnya dalam Sejarah Islam ada berlaku saling salah menyalahi di antara ulama-ulama feqah dengan ulama-ulama Tasawuf.

Sepanjang hayatnya sekembali daripada Mekkah Tuan Tabal bersama-sama dengan pengikutnya kuat mengamalkan tariqah Ahmadiyah. Amalan tariqah ialah satu daripada cabang-cabang ilmu tasawuf dan merupakan metod untuk membolehkan seseorang mengenali Doktrins tasawuf (Doktrin Tasawuf membicarakan aspek antologi, Kosmoloji dan Saikoloji) secara hati Batin. Di samping kuat bertariqah, Tuan Tabal juga kuat melakukan ibadah-ibadah seperti sembahyang tahjub dan sembahyang sembahyang sunat yang lain. Selain daripada itu beliau juga ada menghasilkan beberapa kitab agama. Nama kitab-kitab karangan beliau ialah seperti berikut; *Munyatu Ahli'l-Awbah Fi Bayai 't-Tawbah* dalam lapangan Tasawuf, *Bi-Kifiyati'l-Awam* dalam lapangan usuluddin tentang sifat dua puluh, *Munabbilhu'l-Ghafilin* dalam lapangan Tasawuf dan *Minhatu'l Qarib*, tentang usuluddin feqah tasawuf dan *Jala-al Qulub* tentang tasawuf.<sup>9</sup> Oleh kerana beliau minat kepada ilmu tasawuf maka sebahagian besar penulisannya ialah berkenaan dengan ilmu ini.

---

8 Nama Tok Semian yang sebenarnya ialah Hj. Abdul Rahman bin Lebai Muda. Beliau telah diberi gelaran Tok Semian disebabkan beliau menjadi juru tulis kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Semian ialah perkataan dalam bahasa Siam yang membawa erti jurutulis.

9 Untuk melihat satu ringkasan dan ulasan tentang kitab *Jala-al-Qulub*. Sila lihat Muhammad Othman El Muhammady, "Ajaran Tasawuf Tuan Tabal dalam Jala-Al-Qulub di dalam *op. cit.*, h. 114-133.



Oleh kerana Tuan Tabal kuat mengajar, beribadah dan menulis pada tiap-tiap hari, maka beliau seringkali sempat tidur 2 jam sahaja dalam masa sehari semalam. Semasa hayatnya di Kota Bharu, Kelantan beliau telah mendapat penghormatan yang tinggi daripada kesemua lapisan masyarakat negeri ini. Mereka berkunjung ke rumah untuk bertanya-tanya beliau tentang hal ehwal agama. Salah seorang ulama yang benar-benar menghormati beliau dari segi ilmu ialah Hj. Nik Wan Daud bin Wan Sulaiman. Hj. Wan Daud ialah seorang imam dan mufti Negeri Kelantan mulai pada penghujung abad ke 19 sehingga tahun 1908. Dikatakan apabila beliau menghadapi masalah tentang perkara-perkara berhubung dengan Hukum Hakam beliau seringkali merojok kepada Tuan Tabal untuk mendapat penyelesaian. Disebalik Tuan Tabal disanjung tinggi oleh sebilangan besar masyarakat umum negeri Kelantan beliau ada pula dimarahi oleh seorang ulama yang dikenali umum dengan panggilan Tok Konok. Tok Konok yang sebenarnya bernama Hj. Nik Zainal Abidin ialah seorang ulama yang alim dalam kaedah membaca ayat-ayat Al-Quran. Beliau tinggal di Jalan Merbau dan bersikap kepahlawanan. Entah apakah sebab kemarahan Tok Konok itu tidak pula diketahui oleh penulis. Diceritakan dalam satu ketika kedua-dua ulama ini ada kebetulan bertemu di satu tempat di dalam bandar Kota Bharu. Apabila dilihat sahaja oleh Tok Konok, Tuan Tabal sedang berjalan kaki beliau terus menghunuskan kerisnya untuk menikam ulama itu. Dengan tenang Tuan Tabal menjawab sekiranya hamba tidak mati di tangan Tok Konok hamba hendak mati di tangan siapa lagi. Jawapan Tuan Tabal ini menyejutkan hati Tok Konok sehingga menyebabkan beliau menyorokkan kembali keris itu ke pinggangnya.

Di khabarkan bahawa Tuan Tabal ialah seorang ulama yang tidak bersikap pemaarah. Beliau tidak suka memukul anak-anak dan murid-muridnya. Hasil daripada hasrat dan ketekunan beliau membimbing murid-muridnya maka seterusnya lahirlah beberapa ulama-ulama di kalangan murid-muridnya. Di antara mereka itu ialah Hj. Wan Musa bin Hj. Abdul Samd (1874–1939) (anak Tuan Tabal yang ketiga); Hj. Wan Abdullah bin Hj. Abdul Samad (1877–1926) (anak Tuan Tabal yang keempat); Hj. Wan Ahmad bin Hj. Abdul Samad (1869–1920) (anak Tuan Tabal yang pertama) dan Hj. Daud bin Hj. Hussein (M 1930) (muridnya).

### **TOK KENALI (1868–1933)**

Di dalam konteks perkembangan ilmu di Negeri Kelantan Tok Kenali muncul sebagai seorang ulama yang berwibawa dalam bidang nahu arab dan saraf.<sup>10</sup> Per-

---

10 Penulisan tentang Tok Kenali ini penulis selenggarakan mengikut bahan-bahan tulisan dan bahan-bahan lisan. Bahan-bahan tulisan penulis dapati daripada 2 buah buku yang membicarakan tentang beliau. Buku-buku itu ialah seperti berikut;

Abdullah Al Qari bin Hj. Salleh (Aqhas). *Sejarah Hidup Tok Kenali*, PAP, Kota Bharu, Kelantan, 1967.

Abdullah Al Qari bin Hj. Salleh (Aqhas), "Tok Kenali: It's life and Influence" di dalam William R. Roff (ed), *Kelantan Religion, Society and Politics in a Malay State*, Oxford University Press, K.L., 1974, p. 87–100.



watakan beliau yang lurus dan pembawaan hidup beliau yang diluar daripada kebiasaan umum menyebabkan ketokohan Tok Kenali memenuhi hasrat dan imijinasi masyarakat Melayu sebagai seorang yang wali. Justru kerana itulah beliau muncul sebagai seorang ulama yang paling mashor di Negeri Kelantan dalam zamannya. Malah ketokohan beliau juga diketahui oleh ramai orang-orang Melayu di alam nusantara ini.

Lahir dalam keluarga petani di Kubang Krian, Kota Bharu, Kelantan, beliau sebenarnya bernama Mohd. Yusoff bin Mohd. Datuk beliau disebelah ibunya dikenali dengan nama Tok Leh yang bertugas sebagai seorang guru agama di kampungnya, Kubang Krian. Semasa mudanya Tok Kenali mendapat didikan agama daripada Hj. Ismail bin Hj. Mahmud, Hj. Wan Ali bin Abdul Rahmah Khutam (1837–1912), Tuan Padang dan Hj. Abas Sungai Budu. Kemudian menjelang umurnya 18 tahun iaitu di dalam tahun 1886 beliau pergi melanjutkan pelajarannya ke Mekkah. Di sana beliau tinggal selama 20 tahun mempelajari ilmu agama. Selepas itu beliau pergi melawat sambil belajar ke Mesir bersama-sama dengan gurunya Hj. Wan Ahmad bin Muhd Zain bin Mustapha Al Patani selama 2 tahun.<sup>11</sup>

Berbeda daripada ramai anak-anak Melayu yang lain yang semasa, Tok Kenali semasa berada di Mekkah hidup sebagai seorang zahid. Di sana beliau menghabiskan sebahagian besar masanya belajar daripada Hj. Wan Ahmad bin Muhd. Zain bin Mustapha Al Patani; Sekembalinya ke Kota Bharu, Kelantan daripada Mekkah beliau telah diberi sambutan oleh ramai anggota masyarakat Negeri ini khususnya di kalangan saudara maranya sendiri.

Satu keistimewaan tentang Tok Kenali ialah beliau mempunyai kekuatan ingatan dan petah serta cekap pula di dalam memperkatakan sesuatu. Walau bagaimanapun menariknya disebalik kepetahannya itu, beliau tidak pula gemar bercakap banyak. Beliau selalunya bercakap apabila ditanya. Walau bagaimanapun ini tidaklah pula bermakna beliau mempunyai perwatakan yang 'reserve'. Selalunya apabila ditanya, beliau akan menjawab dengan berpatutan sebagaimana yang dikehendaki oleh soalan itu. Beliau juga tidak bersifat resmi (formal) di dalam kehidupan hari-hari. Beliau tidak keberatan untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dan menerima apa-apa yang diberi samaada di jalan raya, pasar atau di mesjid.

Suatu perkara yang menarik tentang Tok Kenali ialah berhubung dengan keluarbiasaan dan kelurusan hidup beliau. Beliau seringkali terdapat di jalan raya dalam bandar Kota Bharu tidak berbaju cuma bersebar kain di badannya, berkain pelikat dan berselipar getah. Di betis beliau yang berdekatan dengan buku lali pula ada terdapat kudis dan ulat-ulat di dalamnya. Oleh kerana beliau berpegang bahawa

11 Hj. Wan Ahmad bin Muhd Zain bin Mustapha Al Patani ialah seorang ulama yang berasal daripada Petani. Beliau menjalankan kegiatan mengajar dan penulisan kitab-kitab agama di Mekkah. Beliau ada disebut oleh Snonck Hurgronje dalam buku yang berjudul *Mecca in the Later Part of the 19th Century*, late E.J. Briv. Ltd. Leiden 1931. p. 286 sebagai seorang pendeta yang berjasa. Sehingga kini penulis hanya dapat menemui penulisan tentang ulama ini dalam Wan Muhammad Saghir bin Hj. Abdullah, "Al Sheikh Ahmad bin Muhd Zain bin Mustapha bin Muhd Al Patani" di dalam *Dian* bil. 49. Syarikat Dian Sdn. Bhd., Kota Bharu, 1972, h. 43–51.



rezeki makanan ulat-ulat itu di situ, maka beliau tidak membuang ulat-ulat itu. Kalau beliau hendak mandi beliau buang sekejap ulat-ulat itu, kemudian selepas mandi beliau meletak balik ulat-ulat itu di tempat asalnya. Selalunya beliau gemar mandi di sungai besar Negeri Kelantan yang berdekatan dengan Padang Merdeka Kota Bharu sekarang.

Walaupun Tok Kenali ialah seorang ulama yang terkenal serta mempunyai isteri, anak-anak dan ramai murid-murid, akan tetapi beliau tidak segan-segan pula untuk membibit raga yang berbentuk timba pergi ke pasar untuk membeli-belah sendiri. Sudah menjadi kebiasaan di Negeri Kelantan ulama-ulama, orang-orang besar dan orang-orang yang ternama tidak terdapat pergi ke pasar. Mereka selalunya menyuruh murid-murid dan anak-anak untuk pergi membeli-belah di pasar, malah sebahagian besar daripada mereka tidak mengambil tahu langsung tentang hal ini dan menyerahkan bulat-bulat kepada isteri untuk mengendalikan tugas ini. Selepas membeli belah di pasar, semasa tinggal di masjid besar Muhammadi, beliau didapati memasak makanan-makanan itu sendiri. Selalunya apabila pembawa beca dan Drebar teksi melihat beliau berjalan kaki mereka berhenti untuk mengambil dan menghantar beliau ke tempat yang hendak dituju olehnya. Demikian juga apabila beliau pergi ke pasar beliau selalu diberi makanan seperti kueh mueh secara percuma oleh penjual-penjual dengan bertujuan untuk mendapat berkat daripada Allah S.W.T. Sesungguhnya beliau tidak suka untuk mengambil secara percuma segala pemberian-pemberian tadi. Akan tetapi oleh kerana beliau berpegang kepada konsep untuk tidak menyakiti hati dan menghalang hajat seseorang itu beliau terima pemberian-pemberian tadi. Walau bagaimanapun selalunya pemberian-pemberian tadi beliau hadiahkan pula kepada orang lain yang tidak berada, termasuk murid-muridnya sendiri. Pada satu ketika semasa beliau berada di mesjid besar Muhammadi beliau telah dihadiahkan seekor kambing. Beliau terus menyembelih dan memasaknya dan kemudian menjamukan makanan itu kepada orang-orang ramai yang berada di situ. Dari segi ilmu beliau tidak segan-segan untuk menyatakan sesuatu yang diyakini beliau, walaupun sesuatu yang diyakini itu boleh menjejaskan kewibawaan beliau sebagai seorang ulama besar disisi masyarakat umum. Kepada orang-orang yang mengemukakan persoalan-persoalan tentang ilmu tasawuf beliau meminta mereka supaya mengemukakan persoalan-persoalan itu kepada Hj. Wan Musa. Kata beliau sesungguhnya Hj. Wan Musalah orang yang alim dalam ilmu itu di negeri ini, manakala beliau cuma alim dalam ilmu nahu arab sahaja.

Perdampingan Tok Kenali dengan Hj. Wan Ahmad bin Muhd. Zain bin Mustapha Al Patani semasa berada di Mekkah telah memberangsangkan beliau untuk minat mengikuti perkembangan politik Dunia. Justru kerana itu beliau gemar membaca akhbar-akhbar dan majalah-majalah dalam bahasa Arab dan Melayu di antaranya ialah seperti *Al Urwat-AiWuthqa*, *Al Manar*, *Al Imam* dan *Saudara*. Minat yang demikian adalah sesuatu yang di luar kebiasaan minat dan kegemaran ramai ulama-ulama negeri Kelantan sebelum tahun 1940. Ramai ulama-ulama dalam periodisasi itu cuma membaca dan mengajar kitab-kitab agama yang mereka alim sahaja dan jauh sekali daripada mengikuti perkembangan politik Dunia. Dalam tahun-tahun 1920an dan 1930an Tok Kenali dikhabarkan ada terdapat beberapa



kali berbicara perkembangan politik dunia dengan Hj. Wan Musa bin Hj. Abdul Samad di dalam perkarangan rumah Hj. Wan Musa.

Menariknya Tok Kenali walaupun beliau gemar membaca akhbar-akhbar dan majalah-majalah yang ditulis oleh ulama-ulama Islah dan Kaum Muda tadi beliau tidak pula menampakkan tertarik dengan pandangan ulama-ulama itu berhubung dengan soal Hukum, Hakam.<sup>12</sup> Walau bagaimanapun oleh kerana beliau ialah seorang ulama yang tidak suka melibatkan diri dalam soal-soal yang kontravesal dan sensitif maka beliau berdiam diri sahaja apabila ditimbulkan oleh ulama-ulama Kaum Muda berhubung dengan soal-soal itu.<sup>13</sup> Pada umumnya murid-murid beliau yang seterusnya menjadi ulama-ulama di Negeri Kelantan seperti Hj. Idris (lvt. 1927), Hj. Abdullah Tahir bin Hj. Ahmad (1897–1961) dan Encik Yaakob Legor kuat menentang pandangan ulama-ulama Kaum Muda berhubung dengan soal ussali dan niat, Talkin dan jilatan anjing.<sup>14</sup>

Dengan sikap dan peribadi Tok Kenali yang seringkali mengelakkan diri dari terlibat dalam isu-isu hukum hakam yang kontravesal menyebabkan dirinya dapat diterima oleh kesemua pihak di negeri ini. Di samping beliau berkawan rapat dengan Datuk Hj. Nik Mahmud bin Hj. Ismail (Datuk Perdana Menteri Negeri Kelantan) dan dihormati oleh kesemua ulama-ulama tradisional di negeri ini beliau juga berkawan rapat dengan Hj. Wan Musa bin Hj. Abdul Samad seorang ulama yang dikatakan Kaum Muda.<sup>15</sup> Sesungguhnya di antara Datuk Hj. Nik Mahmud dan ramai ulama-ulama tradisional dengan Hj. Wan Musa selalunya berada di dalam keadaan berjauhan dan tidak mempunyai hubungan yang baik di antara satu sama lain.

Di Kota Bharu Tok Kenali mulai mengajar di Kampung Paya Kubang Krian. Selepas itu atas kehendak Datuk Hj. Nik Mahmud bin Hj. Ismail (Datuk Perdana Menteri) beliau mengajar di Masjid besar Muhammadi Kota Bharu. Akhirnya beliau

---

12 Ulama-ulama Islah membawa erti kepada ulama-ulama yang menyeru ulama-ulama dan masyarakat Islam supaya kembali kepada sumber asli Islam iaitu Al-Quran dan Al-Hadith dan seterusnya mengamalkan ijtihad. Ulama-ulama Kaum Muda boleh juga hendak digolongkan dalam Istilah Islah ini. Penulis menggunakan Istilah Kaum Muda di atas ini sebagai merujuk kepada ulama-ulama di alam Melayu yang mengikuti dan terpengaruh kepada ulama-ulama Islah di Timur Tengah itu. Sesungguhnya ulama-ulama Melayu seperti Sheikh Tahir Jalaluddin yang terpengaruh kepada ajaran ulama-ulama Islah di Timur Tengah seperti Sheikh Jamal al Din Al Afgani dan Muhd Abduh dipanggil ulama-ulama kaum Muda oleh masyarakat Melayu.

13 Soal hukum-hakam yang Kontravesal yang ditimbulkan oleh ulama-ulama Kaum Muda ialah seperti soal Ussali serta Niat dan Talkin.

14 Untuk melihat dengan lebih lanjut tentang konflik-konflik pendapat ini sila lihat Nik Abdul Aziz Hj. Nik Hassan, *Sejarah Ulama-ulama Negeri Kelantan 1900–1940*, PAP, 1977.

15 Sejauhmana yang penulis dapat menerusi berita lisan di antara Datuk Hj. Nik Mahmud bin Hj. Ismail (Datuk Perdana Menteri) dengan Hj. Wan Musa tidak mempunyai perhubungan yang baik. Perhubungan yang tidak baik itu berpunca daripada sikap dan peribadi yang berbeza. Ramai ulama-ulama Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan bernaung di bawah Datuk Hj. Nik Mahmud.



kembali semula mengajar di Kampung Kubang Krian akan tetapi di tempat yang lain di mana tempat itu kemudiannya di kenal Kampung Kenali. Pengajaran beliau mendapat sambutan yang ramai, daripada anggota masyarakat. Di Kampung Kenali berhampiran dengan madrasahnyanya terdapat ratusan pondok-pondok yang didirikan oleh murid-muridnya demi untuk dijadikan sebagai tempat tinggal sementara dalam masa menadah kitab dan berguru dengannya. Di dalam mendidik anak-anak dan murid-muridnya Tok Kenali tidak bersikap keras dan pemaarah. Penulis tidak ada mendengar beliau ada didapati memukul anak-anak dan murid-muridnya.

Kitab-kitab yang beliau suka mengajar ialah sebagaimana yang disebut seterusnya. Di dalam Ilmu nahu beliau gemar mengajar kitab *Murnilabi* dan *Ushmunî*. Di dalam ilmu feqah beliau suka mengajar kitab *Iknak*, *Fathul Muin* dan *Fathul Qarib*. Di dalam ilmu Ballaghah beliau suka mengajar kitab *Jauharum Maknum*. Di samping mengajar beliau ada menjalankan beberapa kegiatan yang bermakna kepada masyarakat negeri ini. Kegiatan-kegiatan itu ialah seperti berikut:—

- 1) Menjadi anggota Majlis Ulama, Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Kelantan.
- 2) Menjadi Ketua Pengarang Kehormat Majallah Pengasuh Keluaran Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- 3) Menterjemah sebahagian tafsir *Alkhazin* daripada bahasa Arab ke Bahasa Melayu.
- 4) Menyusun pelajaran nahu Arab dan Saraf yang kemudian diterbitkan oleh salah seorang muridnya Hj. Ali Salehuddin dengan nama *Al Idrus*, *Al Kenaliyah Al Batdiniyah*.
- 5) Bersama-sama dengan Datuk Hj. Nik Mahmud (Datuk Perdana Menteri) mengasaskan penubuhan Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Diantara murid-muridnya yang seterusnya muncul sebagai ulama-ulama di Negeri Kelantan ialah Hj. Ali Salehuddin (L. 1902), Enche Yaakob Legor, Hj. Yaakub bin Hj. Ahmad (1893—1956), Hj. Asaad bin Hj. Daud, Hj. Nik Abdullah bin Hj. Wan Musa (1900—1935) Hj. Ahmad (anak beliau) Hj. Idris (M1927) (bekas Mufti Negeri Kelantan) dalam tahun-tahun 1920an) dan Hj. Abdullah Tahir bin Hj. Ahmad (1897—1961).

#### **Hj. Wan Musa bin Hj. Abdul Samad (1873—1939)**

Hj. Wan Musa bin Hj. Abdul Samad ialah seorang ulama tasawuf yang ber-pengaruh dalam kesemua lapisan masyarakat Negeri Kelantan.<sup>16</sup> Beliau mewarisi

16 Bahan-bahan tentang Hj. Wan Musa bin Hj. Abdul Samad ini penulis dapat menerusi temuramah-temuramah dengan ramai orang-orang yang mengetahui tentang diri beliau dan juga beberapa penulisan-penulisan tertentu. Penulisan-penulisan itu ialah seperti berikut; Hj. Nik Muhd. Salleh bin Hj. Wan Musa dan S. Osman Kelantan, suatu gerakan pembaharuan (reformasi) ugama Islam di Kelantan I dan II (Dari Tuan Tabal (1816—1891) sampai Hj. Nik Muhd. Salleh) (essei yang tidak dicetak) h. 3—9.

Muhd. Salleh bin Wan Musa (dengan S. Othman Kelantan) Theogical Debatex Hj. Wan Musa bin Hj. Abdul Samad and it's Family di dalam William R. Roff (ed.), Kelantan, p. 153—169.



ilmu dan amalannya ayahnya, Tuan Tabal. Di samping itu berbedanya pula daripada Tuan Tabal justru kerana faktor masa, beliau berkesempatan membaca penulisan ulama-ulama islah seperti Jamal-al-din Al-Afgani, Muhd. Abduh dan Muhd Rashid Reda menerusi *Al Urwat-al-Wuthqa* dan *Al Manar*. Kecenderungan beliau kepada ajaran islah disertakan dengan ketegasan dan kesediaan beliau untuk mempertahankan keyakinannya itu menyebabkan beliau muncul sebagai seorang 'Controversial Figure' di kalangan ramai ulama-ulama Negeri Kelantan.

Hj. Wan Musa bin Hj. Abdul Samad telah dilahirkan di Lorong Tok Semian, Kota Bharu dan beliau adalah anak yang ketiga kepada Tuan Tabal. Disebelah ibunya pula beliau adalah cucu kepada seorang yang ternama di Negeri Kelantan yang bergelar Tok Semian. Melihat kepada kebolehan dan hemah Hj. Wan Musa dalam mempelajari ilmu agama semenjak berumur awal belasan tahun lagi, ayahandanya telah menaruh harapan yang besar kepada beliau untuk mewarisi ilmu dan amalannya pada hari kemudian. Selepas peninggalan ayahandanya Tuan Tabal, Hj. Wan Musa pergi melanjutkan ilmu ke Mekkah. Berbedanya daripada Tok Kenali yang banyak belajar di Mekkah iaitu selama 20 tahun, beliau cuma memperdalam ilmu agama di sana selama 5 tahun sahaja. Seperti Tok Kenali, Hj. Wan Musa semasa di Mekkah banyak menumpukan masa berguru kepada Hj. Wan Ahmad bin Muhd Zain bin Mustapha Al-Petani. Di samping itu beliau juga ada berguru dengan seorang ulama di sana yang disebut-sebut olehnya bernama Sheikh Hasbullah.

Sebagaimana juga Tok Kenali perdampingan Hj. Wan Musa dengan Hj. Wan Ahmad bin Hj. Muhd Zain bin Mustapha Al Petani telah mendorongkan beliau ke arah meminati mengikuti perkembangan politik Dunia. Justru kerana itu beliau seperti juga Tok Kenali gemar membaca akhbar-akhbar dan majalah-majalah. Di antara majalah-majalah itu ialah *Al Urwat-al-Wuthqa* dan *Al Manar*. Selain daripada itu berbedanya pula daripada Tok Kenali Hj. Wan Musa bukan sahaja sekadar mengikuti perkembangan politik Dunia akan tetapi beliau juga mulai terpengaruh kepada pandangan-pandangan ilmu feqah yang terdapat dalam majalah-majalah keluaran ulama-ulama islah tadi. Mulai pada awal abad ke 20 beliau mempunyai tanggapan bahawa demi untuk kemajuan ilmu feqah dan kebaikan umat Islam pendekatan bertaqlid buta kepada kitab-kitab karangan ulama-ulama tradisional Negeri Kelantan perlu diberhentikan. Sebagai penyelesaiannya kata beliau perlunya ulama-ulama feqah kembali kepada sumber asli Islam iaitu Al-Quran dan Al Hadith serta mengamalkan ijtihad.

Oleh kerana Hj. Wan Musa memandang tinggi kepada salah seorang ulama islah bernama Muhd. Rashid Reda yang berada di Mesir maka beliau membuat hubungan dengan ulama itu menerusi surat untuk bertanya-tanya tentang soal Talkin.<sup>17</sup> Seterusnya apabila anaknya bernama Hj. Nik Abdullah yang berada di Mekkah memperkenalkan beliau kepada seorang tokoh ulama India bernama Maulana Ubaidullah Al-Sindhi (1872–1945) dalam awal tahun 1930an menerusi surat, beliau

---

17 Surat tulisan tangan jawapan Muhd Rashid Reda kepada Hj. Wan Musa tentang soal talkin ada dalam simpanan penulis.



ada membuat hubungan juga dengan ulama itu.<sup>18</sup> Maulana Ubaidullah Al-Sindhi ialah seorang ulama yang meneruskan tradisi pengajaran Islam mengikut Tariq Shah Waliullah al-Dihlavi dalam abad ke 20 ini. Oleh kerana beliau tidak dibenarkan kembali ke India oleh kuasa penjajah Inggeris maka dalam tahun-tahun 1920an dan 1930an beliau berada di Mekkah. Justru kerana beliau meneruskan tradisi pengajaran Tariq Shah Waliullah al-Dihlavi maka beliau juga menganjurkan ulama-ulama supaya kembali kepada Al-Quran dan Al Hadith serta mengamalkan ijtihad.

Keyakinan Hj. Wan Musa tentang kebenaran pendekatan ilmu ulama-ulama islah berhubung dengan feqah telah menyebabkan beliau ada pada beberapa kali bertentangan pendapat dengan ramai ulama-ulama tradisional di negeri ini. Persoalan ussali dan Niat dalam tahun 1920an dan 1930an dan persoalan jilatan Anjing (1935–1937) telah menimbulkan pertentangan pendapat yang hebat di antara beliau dengan ulama-ulama tradisional.<sup>19</sup> Persoalan jilatan Anjing bukan sahaja sekadar menimbulkan pertentangan pendapat akan tetapi telah membawa kepada perbahasan bersemuka di antara Hj. Wan Musa dengan beberapa ulama-ulama tradisional.

Sungguhpun Hj. Wan Musa ada terpengaruh dengan ajaran ulama-ulama islah seperti Jamal-al-Din Al Afgani, Muhd. Abdul dan Muhd Rashid Reda akan tetapi ini tidaklah pula bermakna beliau mempunyai persamaan pendapat dalam kesemua hal dengan ulama-ulama Kaum Muda di alam Melayu ini. Hj. Wan Musa nampaknya cuma terpengaruh kepada ajaran ulama-ulama islah tadi dalam hal-hal feqah sahaja. Berbedza beliau daripada ulama-ulama Kaum Muda tadi ialah beliau sangat minat dan mempunyai kewibawaan dalam ilmu tasawuf. Ini ialah kesan daripada pendidikan Tuan Tabal ke atas diri beliau. Seperti juga Tuan Tabal, Hj. Wan Musa ada mengatakan bahawa hidupnya tidak lazat tanpa menyelami dirinya dalam ilmu ini. Sebagai ulama Tasawuf yang berwibawa dalam konteks masyarakat Negeri Kelantan beliau juga kuat mengamalkan amalan Tariqah Ahmadiyah bersama-sama dengan ramai pengikut-pengikutnya. Selain daripada ini beliau juga kuat bersembahyang sunat dan bermuraqabah.<sup>20</sup>

Satu keistimewaan tentang Hj. Wan Musa ialah apabila beliau yakin akan kebenaran tentang sesuatu, beliau tidak akan teragak-agak untuk mempertahankan kebenaran itu, walau sekalipun dengan bersikap demikian beliau akan dimurkai oleh pihak istana. Semasa menjadi mufti beliau ada mengenyahkan kehendak Sultan Muhammad IV berhubung dengan kes harta pusaka antara Engku Embong dengan

---

18 Surat-surat perhubungan di antara Hj. Wan Musa dengan Maulana Ubaidullah Al Sindhi juga ada dalam simpanan penulis.

19 Ulama-ulama tradisional ialah ulama-ulama yang bertaqlid kepada kitab-kitab karangan ulama-ulama mutaakhirin Shaffiyah.

20 Muraqabah membawa maksud kepada penumpuan ingatan dan jiwa seseorang dengan penuh khusuk kepada Allah S.W.T. dalam masa-masa tertentu sehingga seseorang itu merasai dirinya berhampiran dan diperhatikan serta diketahui segala isi hatinya, lintasan fikirannya oleh Allah S.W.T.



Engku Puteri. Selaku Mufti beliau telah diamanahkan untuk mengadili kes itu. Sultan Muhammad IV atas faktor peribadi menghendaki supaya Hj. Wan Musa memberi kemenangan kepada Engku Puteri. Akan tetapi bagi Hj. Wan Musa oleh kerana beliau yakin bahawa Engku Embong berada di pihak yang benar maka beliau telah memberi kemenangan kepada Engku Embong. Keengganan beliau untuk mengikut kehendak Sultan itu telah menyebabkan beliau terpaksa meletakkan jawatan mufti dalam tahun 1916. Walaupun beliau dimurkai oleh Sultan Muhammad IV, pihak istana tidak pula mengambil sebarang tindakan ke atas nyawa beliau. Sebaliknya beliau bebas pergi dan balik ke Kuala Trengganu.<sup>21</sup> Walau bagaimanapun pada peringkat permulaan selepas berlakunya penghukuman ke atas kes itu ada dikhabarkan bahawa pada satu hari ada beberapa hulubalang istana datang ke hadapan rumahnya, seolah-olah hendak mengancam beliau. Namun demikian kedatangan hulubalang-hulubalang itu tidak pula diikuti dengan sebarang tindakan tertentu ke atas diri dan keluarga beliau. Mungkin hulubalang-hulubalang itu datang bertujuan untuk mengungut diri beliau sahaja. Mungkin juga tindakan ke atas diri beliau tidak dibuat justru kerana beliau dianggap berkat oleh pihak istana. Anggapan demikian telah menghalang Sultan daripada mengambil tindakan keras apatah lagi tindakan nyawa terhadap diri beliau.

Menariknya walaupun Hj. Wan Musa dimurkai oleh Sultan Muhammad IV akan tetapi beliau seterusnya disayangi pula oleh Sultan Ismail ibni Sultan Muhammad IV (beliau memegang jawatan Sultan selepas Sultan Muhammad IV meninggal dunia dalam tahun 1920. Beliau menjadi Sultan sehingga tahun 1944). Demikian juga Raja Kelantan adek kepada Sultan Ismail yang bernama Tengku Ibrahim ibni Sultan Muhammad IV (Beliau kemudian menjadi Sultan dalam tahun 1944 sehingga tahun 1960) menyayangi Pribadi Hj. Wan Musa.<sup>22</sup> Mungkin juga Sultan Ismail dan Raja Kelantan dan ramai lagi keluarga diraja yang lain menyayangi beliau disebalik pergeseran beliau dengan Sultan Muhammad IV ialah kerana beliau anak kepada Tuan Tabal dan dianggap berkat. Walaupun beliau disayangi oleh keluarga-keluarga diraja, beliau tidaklah pula mengambil inisiatif untuk berdampingan dengan mereka ini. Beliau cuma pergi ke istana apabila dijemput.

Satu lagi peristiwa yang menarik dalam hayat Hj. Wan Musa ialah berhubung dengan konflik di antara beliau dengan Sidi Azahari. Sidi Azahari ialah seorang ulama yang berasal dari negeri Arab yang dianggap wali serta berwibawa dalam

---

21 Penulis tidak bersetuju dengan tulisan dalam Hj. Nik Muhd Salleh bin Hj. Wan Musa dan S. Osman Kelantan, *Suatu Gerakan*, h. 3–9, yang ada memberi pengertian bahawa ekor dari Istana dan ancaman nyawalah maka Hj. Wan Musa pergi ke Kuala Trengganu untuk keselamatan dirinya. Sebenarnya beliau pergi ke Kuala Trengganu, selepas berlakunya kes Engku Embong dan Engku Puteri ialah kerana hendak berjumpa dengan Sidi Azahari seorang Arab yang pada masa itu berada di Kuala Trengganu. Penerangan lebih lanjut tentang Sidi Azahari ini akan dapat dilihat dalam penulisan ini seterusnya.

22 Tengku Ibrahim ibni Sultan Muhammad IV dikhabarkan ada pada beberapa ketika pergi sendiri ke rumah dan surau Hj. Wan Musa untuk bertemu dan bercakap-cakap dengan Hj. Wan Musa. Adalah menjadi sesuatu yang diluar kebiasaan di dalam konteks masyarakat Kelantan seorang anak raja bakal memegang jawatan Sultan menziarahi rumah seseorang biasa termasuk ulama.



amalan tariqah Ahmadiyyah. Kehadiran beliau di Negeri Kelantan lebih kurang dalam tahun 1920 telah diberi sambutan yang hebat oleh Hj. Wan Musa dan pengikut-pengikutnya. Seterusnya Sidi Azahari telah diwakafkan oleh Hj. Wan Musa dan pengikut-pengikutnya sebuah surau di kampung kapal laut (sebuah kampung di tepi Sungai besar Negeri Kelantan berseberangan dengan bandar Kota Bharu). Tujuan harta wakaf itu diberi ialah untuk membolehkan Sidi Azahari mengajar agama dan mengepalai amalan Tariqat Ahmadiyyah di situ. Oleh kerana seterusnya Sidi Azahari berhasrat hendak menjual dan memindah harta wakaf itu ke Mekkah justru kerana hendak kembali ke negeri asalnya, maka Hj. Wan Musa menentang hasrat itu. Penentangan Hj. Wan Musa itu dibuat atas dasar harta itu diwakafkan kepada Sidi Azahari dengan bertujuan untuk beliau berkhidmat mengajar di situ. Kepada Hj. Wan Musa, menjual dan memindahkan harta wakaf tanpa kebenaran orang-orang yang mewakafkannya adalah bercanggah dengan hukum agama. Penentangan Hj. Wan Musa itu telah tidak disetujui oleh dua orang ulama yang bernama Hj. Ahmad Manan (rakan akrab Hj. Wan Musa) dan Hj. Wan Abdullah bin Hj. Abdul Samad (Adik Hj. Wan Musa). Kedua-dua mereka itu juga turut terlibat dalam memberikan harta wakaf itu kepada Sidi Azahari. Mereka berpendapat walaupun kehendak Sidi Azahari itu bercanggah dari segi hukum agama yang lahir akan tetapi kehendak itu adalah datang daripada seorang yang wali. Sesungguhnya Sidi Azahari dianggap seseorang yang benar-benar wali oleh ramai anggota masyarakat negeri Kelantan termasuk Hj. Wan Musa sendiri sebelum berlakunya hal harta wakaf itu. Kepada Hj. Ahmad Manan dan Hj. Wan Abdullah kehendak seseorang yang wali itu mestilah didorongkan oleh ilham yang suci. Oleh kerana Hj. Wan Musa tetap juga enggan mematuhi kepada kehendak Sidi Azahari ini maka hal ini di bawa ke mahkamah awam. Keputusannya mahkamah telah memberi kemenangan kepada pihak Hj. Wan Musa.

Konflik-konflik di antara Hj. Wan Musa dengan Sultan Muhammad IV dan di antara beliau dengan ulama-ulama di atas termasuk Datuk Perdana Menteri pada umumnya tidak menampakkan menjejaskan ketokohan beliau sebagai seorang ulama disisi masyarakat umum. Beliau tetap mendapat tempat di kesemua lapisan masyarakat Negeri ini khususnya di kalangan mereka yang tinggal di Kota Bharu dan di kampung-kampung yang berdekatan dengannya. Suraunya yang terletak di Jalan Merbau tetap penuh sesak dengan orang ramai sehingga ramai pula orang-orang yang datang lewat terpaksa bertenggong atau berdiri di luar, apabila beliau mengajar agama untuk orang-orang awam.<sup>23</sup> Berbedza daripada Tok Kenali, Hj. Wan Musa lebih banyak menumpukan masa mengajar orang-orang awam. Tok Kenali banyak menumpukan masa mengajar golongan penadah-penadah kitab. Oleh kerana ujudnya perbezaan yang demikian maka pengajaran Hj. Wan Musa pada umumnya dihadziri oleh orang-orang awam yang sudah dewasa dan berumur, yang sebahagian besar jumlahnya datang sekadar untuk mendengar sahaja. Sebaliknya

---

23 Orang-orang awam ialah orang-orang ramai yang pada umumnya datang mendengar pengajaran agama tanpa membawa apa-apa kitab untuk di tadah. Mereka pada umumnya terdiri daripada orang-orang yang sudah dewasa dan berumur. Walau bagaimanapun kadangkadangkang ada juga sejumlah yang kecil daripada golongan ini yang membawa kitab-kitab yang berkenaan untuk ditadah semasa ulama-ulama sedang mengajar kitab-kitab tadi.



pula Tok Kenali kebanyakan daripada pengajarannya di kerumuni oleh penadah-penadah kitab yang pada umumnya terdiri daripada mereka-mereka yang berumur belasan dan dua puluhan tahun. Oleh yang demikian tidak hairanlah pula berbedza daripada dipersekitaran kawasan madrasah Tok Kenali di Kampung Kenali Kubang Krian yang mana terdapat ratusan pondok-pondok dipersekitaran kawasan Surau Hj. Wan Musa hanya terdapat lebih kurang 20 pondok sahaja. Pada umumnya mereka yang tinggal di pondok-pondok ialah penadah-penadah yang berumur belasan dan 20an tahun. Di kalangan mereka inilah seterusnya muncul ulama-ulama. Mungkin keadaan demikian ujud justru kerana Hj. Wan Musa kurang mengajar dan berkeahlian dalam ilmu-ilmu alat seperti nahu arab dan saraf berbanding dengan Tok Kenali. Sedangkan ramai penadah-penadah kitab itu terdiri daripada mereka yang berumur belasan dan awal 20an tahun yang banyak pula menumpukan masanya kepada mempelajari ilmu-ilmu alat tadi.

Satu keistimewaan tentang Hj. Wan Musa ialah beliau kuat bermutalaah kitab-kitab agama. Selain daripada mengajar, beribadah, beliau banyak menghabiskan masanya kepada bermutalaah kitab-kitab agama. Beliau mempunyai cita-cita yang tinggi dalam bidang ilmu dengan hendak mendalami sesuatu perkara itu sampai ke akar umbinya. Oleh yang demikianlah beliau berhasrat hendak memahami sumber asli Islam iaitu Al-Quran dan Al-Hadith serta kaedah-kaedah ilmu yang dianjurkan oleh ulama-ulama mujtahid. Kepada anak-anak dan murid-muridnya beliau menasihatkan mereka apabila pergi ke Mekkah nanti carilah ulama-ulama yang benar-benar alim dalam ilmu Al-Quran dan Al-Hadith. Beliau menyedari bahawa dirinya tidak sampai ke peringkat sebagaimana yang diidam-idamkan itu. Di dalam satu kandungan surat kepada Maulana Ubaidullah Al-Sindhi beliau ada menyatakan:

“Al hamdullillah dengan berkat tujuannya saya kepada wajah Allah. Dia telah menganugerahkan perkara itu (metodologi untuk mentafsir Al Quran) kepada Abdullah (Anaknya yang bernama Hj. Nik Abdullah). Itu merupakan limpah kurnia daripada Allah S.W.T. Walaupun begitu saya belum berputus asa dari Keluasan rahmat Allah dan kemurahannya supaya di kurniakannya kepada saya dan kepada anak-anak saya yang lain juga. Kerana saya berpendapat bahawa kemunduran Islam dan Muslimin tidaklah berlaku melainkan dengan sebab meninggalkan kitab Allah S.W.T. dan Sunnah Rasulnya S.A.W. Oleh yang demikian saya berharap dari kemurahan tuan kiranya tuan ada waktu yang lapang dan tidak pula mengganggu ketenteraman hati tuan Sudi kiranya menyatakan kepada saya dengan ringkas cara memahami Al-Quran Nul Azim dan memikirkan mudah-mudahan Allah memberi petunjuk kepada saya dengan perantaraan tuan yang mulia. Maka saya akan berkejayaan besar dan sangat harap Allah yang maha pemurah akan memberi balasan yang besar kepada tuan.”<sup>24</sup>

Di dalam pengajaran, Hj. Wan Musa banyak menumpukan kepada kitab-kitab

---

24 Surat Hj. Wan Musa kepada Maulana Ubaidullah Al Sindhi. Surat ini ada dalam Simpanan penulis.



seperti berikut. Di dalam ilmu Tasawuf beliau mengajar kitab *Hikam*, *Sairul Salikin* dan *Minhajul Abidin*. Di dalam ilmu feqah pula beliau mengajar kitab *Fathul Muin*, *Fathul Qarib*, *Minhajutolibin* dan *Fathul Wahab*. Di dalam ilmu usul feqah beliau mengajar kitab *Jamul Jawamiq*. Di dalam pelajaran nahu arab beliau mengajar kitab *Ibnu Aqil*. Di dalam ilmu tafsir beliau mengajar *tafsir Jalalin* dan *Tafsir Baidewi*. Di dalam mendidik anak-anak dan murid-muridnya beliau sangat kuat berpegang kepada prinsip disiplin. Prinsip ini beliau perkenankan semasa anak-anak dan murid-muridnya menadah kitab, menunai ibadah dan dalam kehidupan hari-hari. Beliau bersikap dan bertindak keras terhadap anak-anak dan murid-murid yang malas, bangun lewat pada waktu subuh, sukar mengingati sesuatu selepas menghafal kitab-kitab agama, mengacau dan berpoya-poya di tepi jalan raya. Beliau tidak teragak-agak untuk memukul mereka dengan rotan. Kepada salah seorang anaknya yang nakal yang suka mengacau orang lain beliau mengikatnya dengan tali kepada satu tiang di dalam suraunya. Di bawah didikan beliau yang keras dan bersungguh-sungguh ini maka muncullah beberapa ulama seterusnya. Di antara mereka itu ialah Hj. Nik Abdullah bin Hj. Wan Musa (1900–1935) (anak Hj. Wan Musa yang kedua) Hj. Nik Mat Nazir bin Hj. Wan Musa (anak Hj. Wan Muda yang keempat), Hj. Nik Mahmud bin Hj. Wan Musa (Anak Hj. Wan Musa yang ketujuh), Hj. Nik Muhd Muhyideen bin Hj. Wan Musa (anak Hj. Wan Musa yang kesebelas), Hj. Nik Muhd Salleh bin Hj. Wan Musa (1920–1972) (anak Hj. Wan Musa yang kesepuluh), Hj. Asaad bin Hj. Daud, Hj. Nik Mat Jembar, Hj. Yaakub bin Hj. Ahmad (1893–1956) dan Hj. Ayub bin Hj. Husseiin Kemboja.

### Tok Khurasan

Walaupun pengajaran Tok Khurasan kurang sekali mendapat sambutan daripada masyarakat negeri Kelantan, akan tetapi kemunculan beliau telah memperkayakan lagi khazanah ilmu di Negeri ini.<sup>25</sup> Kemunculan beliau di negeri ini telah menyebabkan adanya ilmu Hadith, falsafah, mantiq (lojik) dan feqah Hanafiyyah diajarkan di negeri Kelantan. Sebelum daripada ini ilmu-ilmu yang demikian tidak ada diajarkan di Negeri ini. Sepanjang kegiatan di negeri ini, beliau telah mendapat penghormatan yang tinggi daripada kedua-dua ulama yang berpengaruh iaitu Tok Kenali dan Hj. Wan Musa bin Hj. Abdul Samad.

Berasal daripada India Tok Khurasan sebenarnya bernama Abu Abdullah Syed Hassan bin Nor Hassan bin Mirza Syah bin Hubaid bin Dar Al Qorol bin Sheikh Saadi bin Mohd Uzain bin Abdul Rahman bin Mohd Akbal bin Umar Al Tuhki Al Rizali.<sup>26</sup> Tarikh kedatangan beliau ke Kota Bharu Kelantan tidak dapat

25 Bahan-bahan tentang Tok Khurasan ini penulis dapat menerusi temuramah-temuramah penulis dengan orang-orang yang mengetahui tentang diri beliau. Selain daripada itu penulis banyak juga merujuk kepada suatu penulisan penulis sebelum sebagaimana berikut. Nik Abdul Aziz Hj. Nik Hassan, Tok Khurasan seorang tokoh Ulama' di Negeri Kelantan dalam *Malaysia in history*, Vol. Eighteen, Number one, 1975. h. 29–34.

26 Nama Tok Khurasan yang sebenarnya ini, dan juga nama-nama keturunannya itu penulis petik daripada kitab Karangan beliau yang berjudul *Al Insaf*. Kitab ini sampai sekarang belum lagi dicetak dan berada dalam Simpanan Uztaz Yusoff Zaki bin Hj. Yaakub (Tuan empunya Pustaka Dian Press).



diketahui dengan pasti. Mengikut perkhabaran yang diterima pada tahun 1917 beliau sudah pun ada di Kota Bharu. Di Kota Bharu beliau mula-mula tinggal di putra Semerak dan kemudian berpindah ke Kampung Sireh. Di kampung Sireh ini rumah dan madrasahnyanya terletak di belakang Maktab Kadir Adabi sekarang ini. Di Kota Bharu ini juga beliau berkahwin dengan anak Melayu tempatan sehingga mendapat beberapa orang anak. Untuk menyara kehidupan keluarga, beliau menjual kain.

Semasa di India beliau mendapat pendidikan agama di Darul Ulum. Deoband dan salah seorang gurunya ialah Mahmadul Hassan.<sup>27</sup> Tok Khurasan alim dalam ilmu Hadith, Fekah Hanafiyah, Falsafah, mantiq (lojik), Ballaghah, Tafsir dan Falak. Di dalam ilmu Hadith beliau mengajar hadith-hadith dalam kumpulan *Sunnan Sitah* iaitu hadith *Kumpulan Bukhari, Muslim, Sunnan Abu Daud, Thirmidhi* dan *Nasai*. Di dalam ilmu Fekah Hanafiyah beliau mengajar kitab *Al-Hidayah*. Untuk ilmu Falsafah beliau mengajar kitab *Hidayatul Hikmat*. Di dalam ilmu mantiq beliau mengajar kitab *Qota Aqul, Isharujj, Malawi* dan *Qhutbi*. Keistimewaan yang ada pada Tok Khurasan ialah beliau boleh menulis dalam bahasa Arab, Parsi dan Urdu, bersyaer dalam bahasa Arab dan memahami dalam bahasa Inggeris. Beliau juga mempunyai kekuatan ingatan dan kuat pula beribadah. Beliau ada ditawarkan oleh Sultan Ismail Ibni Sultan Muhammad IV supaya mengajar agama di masjid besar Muhammadi dengan diberi gaji tetap. Akan tetapi oleh kerana beliau mahu berkhidmat kepada masyarakat dengan secara bebas maka beliau tolak tawaran itu.

Di dalam kehidupannya Tok Khurasan kuat dan tegas mematuhi kepada hukum agama. Dalam satu peristiwa beliau ada menengkarkan perintah Sultan kerana pada keyakinannya perintah itu bercanggah daripada hukum Islam. Mengikut cerita yang didapati dalam tahun-tahun 1930an, Sultan Ismail atas Persetujuan Mufti Khas telah memerintah masyarakat umum supaya jangan bersembahyang fardhu Jumaat pada satu hariraya di masjid besar Muhammadi. Mengikut kepercayaan beberapa kalangan di negeri ini andaikata dilakukan Kedua-dua ibadah iaitu sembahyang sunat hariraya dan sembahyang Fardhu Jumaat pada hari yang sama maka perlakuan itu boleh memendekkan umur Sultan. Perintah ini tidak dipersetujui secara terbuka oleh beberapa orang ulama diantaranya ialah Tok Khurasan dan Hj. Wan Musa bin Hj. Abdul Samad. Perasaan tidak bersetuju itu Tok Khurasan nyatakan semasa mengajar di madrasahnyanya di Kampung Sireh. Sikap Tok Khurasan ini tidak pula mendapat apa-apa reaksi daripada Sultan. Mungkin juga pihak Sultan tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap beliau kerana Sultan sendiri yakin bahawa pendirian Tok Khurasan itu tidak bercanggah dari segi hukum agama. Kepada murid-muridnya Tok Khurasan ada berpesan

---

27 Mahmadul Hassan ialah seorang ulama yang otoritas di dalam ilmu Islam, mengikut Tariq Shah Waliullah Al Dihlavi dalam abad ke 19. Beliau ialah guru kepada maulana Ubaidullah Al Sindhi. Kepada Tok Khurasan beliau cuma mengajar ilmu agama secara umum sahaja. Beliau tidak mengajar ilmu agama mengikut Tariq Shah Waliullah Al Dihlavi kepada Tok Khurasan. Ini mungkin disebabkan oleh persediaan ilmu yang ada pada Tok Khurasan pada masa itu belum lagi mencukupi. Walau bagaimanapun tempias ilmu Tariq Shah itu ada secara tidak disedari dihirup oleh Tok Khurasan.



supaya mereka lebih baik menjadi harimau dari menjadi anjing. Dengan lain perkataan beliau menganjurkan murid-muridnya supaya bersikap berani untuk menyatakan sesuatu yang benar walaupun kepada pihak yang berkuasa sekalipun. Sikap mengikut patuh kepada pihak yang berkuasa tanpa memperhitungkan benar ataupun salah di sisi agama demi untuk kepentingan sesuatu adalah sesuatu sikap yang sangat keji dan bercanggah dengan hukum Fitrah manusia itu sendiri.

Pengajaran Tok Khurasan di rumahnya di Putra Semerak dan kemudian di madrasahnyanya di Kampung Sireh mulai daripada kehadirannya di Kota Bharu sehingga akhir hayatnya pada tahun 1943, dari segi purata hanya dihadhiri oleh sepuluh orang murid-murid sahaja. Kebanyakan murid-murid yang pergi menadah kitab dengan beliau ialah mereka yang sudah pun mempunyai asas bahasa Arab dan pelajaran agama yang mendalam. Kekurangan jumlah kehadiran di dalam jemaah pengajarannya ialah disebabkan oleh faktor-faktor berikut. Pengajaran Tok Khurasan sukar hendak difahami oleh orang ramai. Beliau tidak fasih menyampaikan pengajarannya di dalam bahasa Melayu sehingga beliau terpaksa mencampurkan kedua-dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Arab di dalam pengajarannya. Penadah-penadah tempatan pada umumnya lemah di dalam bahasa Arab justru kerana pengajian bahasa Arab di surau-surau, madrasah-madrasah dan masjid-masjid tidak membolehkan mereka memahami dan menulis dalam bahasa Arab dengan baik. Oleh yang demikian sukar sedikit bagi mereka hendak menangkap serta memahami pengajaran Tok Khurasan yang seringkali menggunakan istilah-istilah Arab di dalam pengajarannya. Kemungkinan juga kekurangan jumlah kehadiran di dalam jemaah pengajaran Tok Khurasan ialah disebabkan beliau berasal daripada India dan pengajarannya dari segi feqah banyak tertumpu kepada feqah Hanafiyah. Sedangkan masyarakat Kelantan pada umumnya dididik oleh ulama-ulama dengan ilmu feqah Syaffiyah. Ilmu hadith yang disampaikan oleh Tok Khurasan juga mungkin merupakan salah satu faktor yang menghalang ramai anggota masyarakat negeri Kelantan daripada berguru dengannya. Perlu diberitahukan disini ilmu Hadith pada awal abad ke 20 dianggap oleh ramai ulama dan masyarakat umum negeri Kelantan sebagai ilmu yang tidak boleh diajarkan oleh manusia di zaman ini. Oleh yang demikian mereka mengelakkan diri daripada belajar ilmu ini.

Sikap Tok Khurasan yang tidak mahu melibatkan dirinya dalam soal-soal hukum-hakam yang kontravesal juga merupakan salah satu faktor yang menyebabkan pengajarannya tidak dapat menarik minat masyarakat umum negeri Kelantan. Penulis tidak ada mendengar bahawa Tok Khurasan ada mengeluarkan pandangan-pandangannya secara terbuka berhubung dengan soal-soal agama yang Kontravesal di Negeri ini seperti soal zakat fitrah dan Pembinaan Masjid, ussali dan Niat, Talkin dan Jilatan Anjing. Sesuatu isu-isu yang Kontravesal berhubung dengan hukum-hakam itu boleh mendorong anggota masyarakat untuk berpihak-pihak kepada ulama-ulama tertentu yang terlibat dalam isu-isu itu. Mungkin akan timbul persoalan disini kenapakah pula Tok Kenali yang tidak menunjukkan dirinya memihak kepada mana-mana pihak yang berkonflik pendapat itu mendapat sambutan yang hebat pula daripada masyarakat umum. Penulis berpandangan di dalam konteks Negeri Kelantan ketokohan Tok Kenali berbeza daripada ketokohan Tok Khurasan. Ketokohan Tok Kenali sebagai seorang wali dan alim sudah berakar



tunjang dihati kesemua lapisan masyarakat Negeri Kelantan sebelum ujudnya peristiwa Khilafayah di Negeri Kelantan itu lagi.<sup>28</sup> Ini berbeza dengan Tok Khurasan selaku seorang asing yang berdagang belum mendapat tempat dihati masyarakat umum sebagai seorang yang benar-benar alim. Oleh yang demikian ketokohnya memerlukan kepada isu-isu tertentu untuk membolehkan dirinya mendapat tempat di hati masyarakat umum. Walau bagaimanapun dengan sikap Tok Khurasan yang enggan melibatkan dirinya dalam isu-isu yang kontravesal itu menyebabkan dirinya tidak mendapat kecam-kecaman daripada ulama-ulama dan orang ramai yang terlibat dalam soal-soal demikian.

Walaupun jumlah kehadiran di dalam jemaah pengajaran Tok Khurasan amat kecil namun begitu, oleh kerana keilmuannya dan keikhlasan dirinya untuk agama menyebabkan beliau dihormati oleh beberapa ulama-ulama yang terkemuka di Kelantan seperti Tok Kenali, Hj. Wan Musa b. Hj. Abdul Samad dan Hj. Ismail (Tok Kemuning). Tok Kemuning ialah seorang ulama yang warak dan berkeahlian dalam ilmu feqah, Shaffiyah, Tasawuf, Nahu Arab dan Saraf. Beliau bersebaya dari segi umurnya dengan Tok Kenali dan Hj. Wan Musa.

Hasil daripada usaha Tok Khurasan maka seterusnya lahirlah beberapa anak-anak tempatan negeri Kelantan yang meminati dan berkebolehan untuk mengajar di dalam ilmu Hadith, Falsafah, dan Mantiq. Mereka itu ialah seperti Hj. Yaakob bin Hj. Ahmad, (1893–1956), Hj. Ahmad Mahir bin Hj. Ismail (1905–1968), Hj. Nik Abdullah bin Hj. Wan Musa (1900–1935) dan Hj. Asaad bin Hj. Daud.

#### **Hj. Nik Abdullah bin Hj. Wan Musa (1900–1935)**

Pengajaran ilmu Al-Quran dan Al Hadith mengikut Tariq Shah waliullah al Dihlavi di Negeri Kelantan oleh Hj. Nik Abdullah bin Hj. Wan Musa adalah merupakan puncak kepada perkembangan ilmu di Negeri ini sehingga tahun 1940.<sup>29</sup> Kalaulah pendekatan ulama-ulama Tradisional Negeri ini hanya sekadar bertaqlid buta kepada kitab-kitab karangan ulama-ulama mutaakhirin dan ulama-ulama kaum muda di Negeri Kelantan pula hanya sekadar menyeru masyarakat umum supaya kembali kepada Al Quran dan Al Hadith serta mengamalkan ijtihad, maka Hj. Nik Abdullah telah menganjurkan kepada murid-muridnya di Negeri ini metodoloji ilmu Al Quran serta Al Hadith dan seterusnya mengamalkan ijtihad. Menariknya ketokohan dan kegiatan pengajaran beliau disamping mendapat celaan

---

28 Ketokohan Tok Kenali sebagai seorang wali dan alim sudah pun diterima oleh masyarakat Melayu khususnya masyarakat Negeri Kelantan mulai pada awal abad ke 20 lagi. Peristiwa Khilafiyah berhubung dengan soal hukum-hakam bermula di Negeri Kelantan dalam tahun 1922 iaitu berhubung dengan kes pembinaan masjid besar Muhammadi daripada harta zakat fitrah dan fitrah kanak-kanak.

29 Bahan-bahan tentang Hj. Nik Abdullah bin Hj. Wan Musa ini penulis dapat menerusi temuramah-temuramah dengan orang-orang ramai yang mengetahui tentang dirinya. Penulis juga ada membaca penulisan-penulisan tentang beliau sebagaimana yang terdapat di bawah ini. Hj. Nik Muhd Salleh bin Hj. Wan Musa dan S. Osman Kelantan, "suatu gerakan h. 7–10. Muhd. Salleh bin Hj. Wan Musa (with S. Othman Kelantan) "Theological Debates, Hj. Wan Musa bin Hj. Abdul Samad and it's family," di dalam William Roff (ed. *op. cit.*, p. 161–164.



dan tentangan-tentangan daripada kalangan-kalangan tertentu telah diberi sambutan yang begitu hebat pula oleh kesemua lapisan masyarakat Negeri ini, khususnya di kalangan mereka-mereka yang tinggal di Kota Bharu dan di kampung-kampung yang berdekatan.

Lahir dalam tahun 1900, di Jalan Merbau Kota Bharu, Kelantan, di dalam keluarga ulama yang terkemuka dan berpengaruh bermula daripada masa Datuknya lagi Tuan Tabal, beliau selaku anak sulung laki-laki menjadi impian ayahandanya semenjak di dalam masa kandungan ibunya lagi, untuk mewarisi tradisi ulama di dalam keturunan keluarga itu pada masa hadapan. Oleh kerana mendapat pendidikan asas yang sempurna di Negeri ini, serta pula mempunyai sifat-sifat kegigihan dan daya usaha, beliau semasa berada di Makkah mampu mendalami ilmu ugama sampai ke peringkat Al Quran dan Al-Hadith mengikut Tariq Shah Waliullah al Dihlavi. Semasa mempelajari ilmu ugama mengikut tariq ini di Makkahlah, ketokohan beliau sebagai seorang pemuda yang sangat-sangat alim mulai terkenal di Kota Bharu, sehingga apabila tibanya sahaja beliau di bandar ini daripada Makkah mendapat sambutan yang hebat di kalangan masyarakat umum Negeri ini.

Selaku anak yang menjadi harapan ayahandanya, Hj. Nik Abdullah semenjak berumur delapan tahun lagi telah digalakkan supaya minat mengerjakan ibadah-ibadah, baik yang wajib mahu pun yang sunat. Di samping itu beliau juga telah dikehendaki oleh ayahandanya supaya memerhati dan mengikuti orang-orang ramai meratib-ratib di surau ayahandanya mengikut Tariqah Ahmadiyyah. Apabila umur beliau meningkat awal belasan tahun, beliau telah mula dididik oleh ayahandanya dan bapa saudaranya Hj. Nik Wan Abdullah di dalam ilmu fekah Shaffiyah, usuluddin, tasawuf dan cabang-cabang ilmu linguistik Arab iaitu nahu dan saraf (morphology). Pada masa ini beliau telah dikawal dengan rapi oleh ayahandanya. Apabila didapati sahaja beliau cuai dan lemah sedikit semasa belajar, beliau telah dipukul oleh ayahandanya dengan rotan. Kawalan-kawalan ayahandanya ini memberi kesan kepada peribadi beliau, sehingga seterusnya beliau mulai serius dan berusaha semasa belajar. Di bawah didikan ayahandanya yang sudah pun minat kepada aliran ugama yang didokong oleh ulama-ulama islah, beliau telah dididik ke arah melihat pendapat-pendapat kitab-kitab karangan ulama-ulama mutaakhirin dengan secara yang kritikal dan tidak secara taklid buta. Di samping itu untuk membolehkan beliau mendalami lagi ilmu nahu Arab dan saraf, beliau telah dikehendaki pula oleh ayahandanya supaya belajar dengan Tok Kenali di surau kampung Kubang Krian. Tok Kenali dianggap oleh Hj. Wan Musa sebagai seorang ulama yang sangat-sangat alim di dalam ilmu ini berbanding dengan ulama-ulama yang lain pada masa itu di negeri Kelantan.

Apabila Hj. Nik Abdullah mempunyai kekuatan memahami bahasa Arab dan mempunyai pula asas ilmu ugama, beliau yang pada masa itu berumur hampir dua puluh tahun telah digalakkan oleh ayahandanya supaya mempelajari ilmu ugama daripada Tok Khurasan. Di surau Tok Khurasan inilah beliau mempelajari ilmu Hadith, ilmu Kitab tafsir Al Quran, ilmu Fekah Hanafiyah, ilmu falsafah, ilmu mantiq (lojik), ilmu falak (astronomi) dan ilmu faraid (ilmu memperturunkan



harta pusaka). Pengajaran Tok Khurasan di dalam ilmu tafsir, Hadith dan Fekah Hanafiyah selama empat tahun telah menambahkan Perbendaharaan ilmu kepada diri beliau. Pengajian beliau di dalam ilmu fekah Hanafiyah telah membuka skop pemikiran beliau di dalam ilmu ini. Kalaulah sebelum daripada ini skop pemikiran beliau hanya terhad kepada fekah Shaffiyah sahaja akan tetapi selepas beliau memelajari daripada Tok Khurasan skop pemikiran beliau di dalam ilmu ini, menjalar pula kepada fatwa-fatwa ulama-ulama fekah di dalam mazhab Hanafiyah. Demikian juga pengajian beliau di dalam ilmu hadith telah memberi asas baru kepada beliau di dalam memahami ilmu itu. Pengajian beliau di dalam ilmu Falsafah, mantiq (lojik) dan Falak (Astronomi) telah memberi kelengkapan lagi kepada beliau untuk memahami ilmu Al Quran dan Al Hadith seterusnya.

Semasa berguru kepada Tok Khurasan ini, beliau telah mendapat kepujian yang tinggi daripada guru itu. Anggapan itu diberikan oleh guru beliau kerana ketekunan dan kebolehan beliau semasa belajar. Semasa berada di rumah, beliau senantiasa membaca kitab-kitab dan berfikir tentang hal-hal keilmuan. Salah seorang bekas kawan ikrab dan seterusnya menjadi pengikut beliau Hj. Ismail bin Hj. Muhammad ada mengatakan:

'Dan adalah tabiat Almarhum Hj. Nik Abdullah bin Hj. Wan Musa pada masa ini senantiasa ia berfikir kerana mentakhhik (mendalami) ugama Islam.<sup>30</sup>

Di samping itu beliau juga pada masa itu mengadakan perbincangan-perbincangan tentang hal ehwal keilmuan dengan kawan-kawan beliau yang lain di rumah ayahandanya.

Pengajian Hj. Nik Abdullah daripada Tok Khurasan dan galakan daripada ayahandanya telah memberi inspirasi kepada beliau untuk mendalami lagi ilmu Al-Quran dan Al-Hadith. Oleh yang demikian semasa berada di Mekkah mulai pada tahun 1926, beliau mencari-cari guru-guru yang benar-benar alim di dalam ilmu-ilmu tadi. Oleh kerana beliau belum juga lagi menjumpai ulama-ulama yang diidam-idamkan itu selama beberapa bulan berada di Mekka, beliau seterusnya menghabiskan masa kosong itu dengan menghadiri di dalam jemaah pengajaran ilmu feqah dan tasawuf oleh dua orang ulama-ulama di Masjidil Haram bernama Sheikh Al Maliki dan Abu Al Samah Al Zohiri.

Apabila beliau mendengar ada seorang ahli Hadith yang masyor berada di Kota Mekkah, bernama Umar Hamdan Hj. Nik Abdullah terus pergi berguru serta menjadi khadam kepadanya. Sudah menjadi tradisi di kalangan pelajar-pelajar Islam dahulu, apabila mereka benar-benar hendak berguru kepada seseorang ulama mereka sanggup pula menjadi khadam kepada ulama itu. Pada pandangan mereka, ilmu-ilmu yang ada pada ulama itu bukan sahaja dapat dipelajari melalui menadah kitab di

---

30 Kenyataan ini diambil daripada satu makalah pendek tentang sejarah hidup Hj. Nik Abdullah yang ditulis dengan tulisan tangan oleh seorang bekas kawan ikrab dan pengikut beliau bernama Hj. Ismail bin Hj. Muhammad pada 25/3/75.



dalam jemaah pengajarannya akan tetapi juga melalui perdampingan dan kesempatan berbual dengannya pada tiap-tiap hari. Seterusnya Hj. Nik Abdullah mengikuti Sheikh Umar Hamdan apabila guru beliau itu berpindah ke Madinah. Semasa belajar, Hj. Nik Abdullah telah dipuji oleh Sheikh Umar Hamdan kerana kecerdasan otaknya.

Selaku seorang penuntut ilmu hadith, nama Hj. Nik Abdullah mulai disebut-sebut oleh ramai anak-anak tempatan Negeri Kelantan yang berada di Makkah. Di dalam tahun-tahun 1920an hampir keseluruhan anak-anak tempatan Negeri Kelantan yang berada di Makkah tidak mempelajari ilmu hadith. Ini ialah kerana mereka tidak mempunyai asas langsung untuk memahami ilmu ini. Mereka-mereka tadi semasa berada di Kota Bharu sebelum hanya menghabiskan masa mempelajari ilmu Feqah Shaffiyah, Nahu Arab dan Saraf sahaja.

Walau bagaimanapun Hj. Nik Abdullah selepas berguru kepada Sheikh Umar Hamdan selama empat tahun (1926–1930), beliau tidak juga merasa sesuatu kepuasan yang muktamad dengan cara pengajaran guru itu. Timbulnya perasaan yang demikian oleh kerana pengajaran Sheikh Umar Hamdan hanya sekadar menerangkan makna-makna di dalam kitab-kitab hadith kumpulan Sunnan Sitah itu sahaja. Metod-metod untuk menilaikan hadith-hadith di dalam kitab-kitab itu dengan sendiri samada sahah atau tidak, langsung tidak diterangkan oleh guru itu.<sup>31</sup>

Pada suatu ketika di dalam tahun 1930, Hj. Nik Abdullah yang masih lagi ingin mencari-cari guru yang benar-benar alim di dalam ilmu Quran dan Hadith, selepas menunaikan Fardzu sembahyang asar di Masjidil Haram Makkah terlihat seorang guru keturunan India bernama Maulana Ubaidullah al Sindhi, yang pada ketika itu sedang mengajar dua orang penuntut daripada Indonesia. Maulana Ubaidullah al-Sindhi sebagaimana yang sudah dinyatakan, ialah seorang ulama yang berotoritas mengajar ugama mengikut Tariq Shah Waliullah al-Dihlavi. Selepas menghampiri dan mendengar pengajaran guru itu yang sedang mengajar sebuah Kitab hadith, Hj. Nik Abdullah merasa tertarik dengan hujjah dan perbahasan guru itu. Lalu beliau meminta izin untuk berguru kepada maulana itu mengikut Tariq Shah waliullah al Dihlavi. Sebelum daripada itu beliau sendiri pun tidak pernah mendengar nama tariq ini. Selepas beberapa minggu sahaja beliau belajar ilmu ugama daripada guru itu, beliau merasa puas hati dan terbuka pemikirannya. Lantas selepas itu beliau dengan tidak sabar-sabar lagi memberitahu menerusi surat kepada ayahandanya di Kota Bharu tentang berita kegembiraan itu. Seterusnya beliau pada tiap-tiap bulan menghantar surat kepada ayahandanya untuk menerangkan tentang keistimewaan dan kelebihan pendekatan pengajian ugama mengikut tariq ini daripada pendekatan

---

31 Di dalam tiap-tiap kitab hadith tadi dikatakan oleh ahli-ahli ilmu hadith mengandungi hadith-hadith yang sahah (valid) dan hadith-hadith yang sebaliknya, iaitu tidak sahah, ataupun dzaif. Oleh yang demikian bagi ulama-ulama hadith tiap-tiap apa yang dikatakan hadith itu perlu dikaji terlebih dahulu mengikut metod-metod tertentu untuk mengesahkan samada apa yang dikatakan hadith itu sahah atau tidak.



pengajian yang dialami oleh beliau sebelum. Penerangan-penerangan beliau itu dapat menawan hati dan pemikiran ayahandanya. Oleh yang demikianlah ayahandanya memberi inspirasi pula kepada adik-adik beliau dan pelajar-pelajar muda di Kota Bharu supaya apabila pergi ke Mekkah nanti belajarliah ilmu ugama mengikut tariq ini daripada Maulana ini. Semasa berguru kepada Maulana ini selama empat tahun Hj. Nik Abdullah sangat bersungguh-sungguh dan tekun belajar sehingga mendapat pujian yang tinggi daripada guru itu. Pujian ini diberikan di dalam suatu surat yang dihantarkan oleh Maulana Ubaidullah al Sindhi kepada Hj. Wan Musa yang berada di Kota Bharu yang berbunyi:

“Bahawasanya saya semenjak berada di Mekkah Al-Mukaramah saya tidak pernah jumpa seorang yang dari golongan penuntut ilmu yang lebih baik dan lebih berhemah daripada anak tuan yang berbahagia Sheikh Abdullah (Hj. Nik Abdullah). Maka saya memberi tahniah kepada tuan dengan memperolehi anak yang sedemikian.<sup>32</sup>

Selepas tiga tahun Hj. Nik Abdullah belajar daripada Maulana Ubaidullah Al Sindhi, beliau telah digalakkan pula oleh gurunya itu supaya pergi ke Mesir. Tujuannya ialah untuk membolehkan beliau melihat dan meninjau dengan sendiri perkembangan ilmu Ugama di sana. Mesir pada masa itu juga terkenal sebagai sebuah pusat ilmu ugama Islam di seluruh dunia. Tatkala di Mesir Hj. Nik Abdullah berkesempatan bertemu dengan ulama islah Muhd. Rashid Reda. Di dalam pertemuan itu Hj. Nik Abdullah ada memberitahu akan tujuan beliau datang kemari, dan menerangkan ilmu-ilmu ugama yang sudah pun dipelajari oleh beliau. Maulana Rashid Reda merasa kagum dengan kebolehan beliau dan memberitahu bahawa ilmu-ilmu agama yang ada pada beliau itu mengatasi daripada apa yang ada di Mesir pada masa itu.

Seterusnya selepas beberapa bulan berada di Mesir, Hj. Nik Abdullah kembali semula ke Mekkah. Di Mekkah beliau mendekati semula maulana Ubaidullah Sindhi dengan bertujuan untuk mempertajamkan lagi ilmu pengetahuannya. Di samping itu beliau juga ada mengajar tariq ini kepada beberapa pelajar-pelajar ugama yang datang daripada Negeri Kelantan, Pulau Sumatera dan Kemboja.

Terdapat beberapa faktor yang mendorongkan Hj. Nik Abdullah merasai sangat-sangat tertarik untuk belajar ilmu ugama mengikut tariq shah Waliullah al-Dihlavi. Hj. Nik Abdullah sebelum pergi ke Mekkah sudahpun mempunyai asas kekuatan di dalam memahami ilmu tasawuf. Ini ialah kerana beliau telah dididik oleh ayahandanya Hj. Wan Musa di alam Ilmu ini semenjak umurnya masih awal belasan tahun lagi. Kekuatan beliau di dalam memahami ilmu ini memberi persediaan kepada beliau untuk memahami ilmu ugama mengikut tariq ini seterusnya. Malah di dalam suatu surat kepada ayahandanya, Hj. Nik Abdullah sendiri ada mengakui akan hakikat ini dengan mengatakan:

---

32 Surat Maulana Ubaidullah al Sindhi kepada Hj. Wan Musa. Surat ini ditulis dalam bahasa Arab dan diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia oleh Tuan Hj. Nik Muhyiddin bin Hj. Wan Musa (sekarang menjawat jawatan Pengarah agama di Kementerian Pelajaran Malaysia).



“Ayahanda jikatidak asas tasawuf anakanda daripada ayahanda nescaya tidak patut anakanda hendak masuk belajar tariq Shah Waliullah al-Dihlavi daripada Maulana Ubaidullah ini”<sup>33</sup>

Sebelum Hj. Nik Abdullah pergi ke Mekkah, beliau telah digalakkan oleh ayahandanya supaya mempelajari ilmu agama sampai ke peringkat memahami ilmu Al-Quran dan Al-Hadith. Galakkan daripada ayahandanya ini adalah sejajar dengan pendekatan pengkajian agama yang dianjurkan oleh Shah Waliullah al Dihlavi supaya ulama-ulama Islam kembali mengkaji agama sampai ke peringkat Al-Quran dan Al Hadith. Oleh yang demikian tidaklah menghairankan apabila pendekatan pengkajian agama mengikut tariq ini dapat menawan hati dan pemikiran Hj; Nik Abdullah.

Pengajaran Tok Khurasan kepada Hj. Nik Abdullah di Kota Bahru juga memberi persediaan ilmu kepada Hj. Nik Abdullah untuk memahami pengajaran Maulana Ubaidullah al Sindhi. Ini diakui oleh Maulana Ubaidullah al Sindhi sendiri di dalam suatu suratnya kepada Hj. Wan Musa dengan mengatakan:

“Adalah sebab yang nyata pada persetujuannya kita untuk menuju kepada jalan Al Imam Waliullah al Dihlavi bahawa Sheikh Abdullah (Hj. Nik Abdullah) telah belajar daripada mulanya daripada Sheikh yang besar iaitu Syed Hassan (Tok Khurasan) pendahuluan yang telah diambil daripada Sheikh kami Maulana Mahmud Hassan Al Deobandi dan jikalau kami tambahkan kepada keberatan eloknya niat tuan yang baik itu nescaya tidaklah kami bersalah dan Allah subhanahu wataala apabila menghendaki sesuatu ia menyediakan sebab-sebabnya.”<sup>34</sup>

Huraian Maulana Ubaidullah al Sindhi perihal agama mengikut tariq shah Waliullah al Dihlavi bagi Hj. Nik Abdullah mempunyai daya penarikan, di mana huraian-huraiannya penuh dengan hujjah-hujjah dan perbahasan yang mendalam dan dapat diterima pula oleh akal yang sehat. Di dalam suatu surat yang dihantar-kan oleh Hj. Nik Abdullah kepada ayahandanya, Hj. Wan Musa, beliau ada mengata-kan bahawa beliau sentiasa tercengang serta kagum apabila mendengar dan melihat Maulana Ubaidullah al Sindhi menghuraikan soal-soal keilmuan.

Justru kerana perhubungan faktor-faktor di atas tidak hairanlah pengajaran Maulana Ubaidullah al Singhi mengikut tariq Shah Waliullah al Dihlavi benar-benar menawan hati dan pemikiran Hj. Nik Abdullah.

Hj. Nik Abdullah oleh kerana keilmuan yang dipelajarinya itu mendapat akuan yang tinggi daripada Hj. Wan Musa, menyebabkan ketokohan beliau semasa masih

---

33 Surat Hj. Nik Abdullah kepada Hj. Wan Musa, surat ini ada dalam simpanan penulis.

34 Surat Maulana Ubaidullah al Sindhi kepada Hj. Wan Musa. Surat ini ditulis dalam bahasa arab dan diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia oleh Tuan Hj. Nik Mahyidden bin Hj. Wan Musa. Surat ini ada dalam simpanan penulis.



berada di Mekkah lagi telah menjadi buah mulut di kalangan ribuan pengikut-pengikut ayahandanya itu. Di sana sini mereka mulai bercakap-cakap tentang keahlian Hj. Nik Abdullah. Menariknya ada di antara mereka mengatakan apabila kembalinya kelak Hj. Nik Abdullah ke negeri ini akan berubahlah pemikiran masyarakat Melayu nanti di dalam memahami ugama. Di rumah dan disurau Hj. Wan Musa ramai di antara mereka-mereka yang berkunjung kesitu bertanya-tanya kepada guru mereka itu tentang perkhabaran Hj. Nik Abdullah di Mekkah, dan bilakah ia akan kembali ke negeri ini? Mereka menampakkan tidak sabar-sabar lagi menanti-nanti hari kepulangan Hj. Nik Abdullah. Berdekatan dengan surau Hj. Wan Musa pula atas kehendak daripada Hj. Wan Musa sendiri di dalam pertengahan tahun 1934 didirikan sebuah surau kayu dua tingkat untuk dijadikan tempat pengajaran Hj. Nik Abdullah kelak. Surau ini didirikan dengan sukarela secara bergotong royong oleh pengikut-pengikut Hj. Wan Musa itu.

Semasa Datuk Hj. Nik Mahmud bin Hj. Ismail (Perdana Menteri Negeri Kelantan) berada di Mekkah di dalam tahun 1933, beliau ada bertemu dan berbicara tentang hal-hal ugama dengan Hj. Nik Abdullah. Di dalam perbicaraan itu Datuk Hj. Nik Mahmud ada mengemukakan beberapa persoalan ugama khususnya tentang pengertian kaum muda. Jawapan-jawapan Hj. Nik Abdullah mengkagumkan beliau, kerana dapat menyakinkan pemikiran dan hatinya. Akibat daripada perbicaraan itu Datuk Hj. Nik Mahmud dengan bertujuan hendak memberi inspirasi kepada pemuda-pemuda tempatan tidak sabar-sabar lagi menghantar surat dari Mekkah ke Kota Bharu yang ditujukan kepada salah seorang yang bernama Yaakub Badewi. Kandungan surat itu menyeru pelajar-pelajar di Negeri Kelantan mencotahi Hj. Nik Abdullah apabila berada di Mekkah nanti dengan mempelajari agama sampai ke peringkat Al Quran dan Al-Hadith. Surat itu kemudiannya dibacakan oleh salah seorang kepada kumpulan pelajar-pelajar yang pada ketika itu baru sahaja sudah belajar ugama di masjid besar Muhammadi. Pengumuman itu menimbulkan suasana terpegun di kalangan ramai pelajar-pelajar disitu. Apabila mereka beramai-ramai melangkah kaki keluar masjid, mereka mulai membicarakan tentang diri Hj. Nik Abdullah. Ada di kalangan mereka yang pernah melihat wajah Hj. Nik Abdullah dahulu, cuba menggambarkan wajahnya kepada kawan-kawan mereka yang lain yang tidak pernah berkesempatan bersua dengan beliau sebelum. Di samping itu ada pula di kalangan mereka kerana bangga mendakwa masing-masing ada pernah bercakap-cakap dengan Hj. Nik Abdullah sebelum beliau pergi ke Mekkah dahulu.

Disamping ketokohan Hj. Nik Abdullah mendapat sanjungan yang tinggi, diri beliau juga tidak sunyi daripada mendapat celaan dan tentangan daripada masyarakat umum. Sebelum beliau kembali ke Kelantan lagi telah terdengar desas-desus di beberapa kalangan anggota masyarakat bahawa beliau ulama Kaum Muda dan ulama wahabi yang akan membawa balik ilmu yang salah ke negeri ini. Seterusnya apabila beliau berada di Kota Bharu selepas beberapa bulan sahaja kembali daripada Mekkah kedengaran pula berita-berita angin yang mengatakan bahawa beliau tidak mempercayai kepada hari kiamat. Kemudian ekoran daripada pendapat beliau berhubung dengan soal jilatan Anjing, beliau telah ditentang secara terbuka oleh beberapa ulama tradisional iaitu Hj. Ibrahim bin Hj. Yussof, Hj. Ahmad Mahir bin Hj. Ismail, Hj. Ahmad Manan dan Hj. Abdullah Tahir bin Hj. Ahmad. Perten-



tangan secara terbuka yang dilakukan oleh kelima-lima ulama tradisional ini telah membawa kepada perbahasan bersemuka dalam tahun 1937 antara ulama-ulama tradisional dengan Hj. Wan Musa, Hj. Abastaha dan Dr. Burhanuddin Al Hilmi yang bersetuju dengan pendapat Hj. Nik Abdullah.<sup>35</sup> Hj. Nik Abdullah meninggal Dunia dua tahun sebelum berlakunya perbahasan itu.

Oleh kerana kemasyoran nama Hj. Nik Abdullah di Negeri Kelantan ini, maka pada hari beliau pulang ke Kota Bharu daripada Mekkah, iaitu di dalam bulan Oktober 1934, beribu-ribu orang membanjiri di stesyen keretapi bandar Kota Bharu, bertujuan untuk menyambut kepulangan dan melihat wajah beliau. Kebanyakan mereka ini terdiri daripada pengikut-pengikut Hj. Wan Musa yang datang daripada kesemua lapisan masyarakat, iaitu anggota-anggota keluarga diraja, kakitangan-kakitangan jabatan Kerajaan dan orang-orang ramai. Di kalangan orang-orang kampung pada pagi hari itu dapat dilihat mereka berpuak-puak berjalan kaki daripada rumah masing-masing menuju ke stesyen keretapi. Oleh kerana terlampau ramainya orang-orang yang menanti kepulangan beliau itu, jambatan kayu yang menghubungkan diantara stesyen keretapi Kota Bharu dengan tebing di sebelah bandar Kota Bharu berbunyi hendak runtuh. Di samping itu ramai pula di kalangan pengikut-pengikut Hj. Wan Musa yang tidak sabar-sabar lagi hendak menyambut ketibaan dan melihat wajah beliau, menyeberangi sungai besar Kelantan dengan perahu dan motobot menuju ke stesyen keretapi di Palekbang.<sup>36</sup> Menariknya lagi ada pula diantara mereka yang naik keretapi pergi ke stesyen di Jajahan Pasir Mas, Jajahan Tanah Merah dan Jajahan Kuala Krai untuk menyambut kepulangan ulama muda ini di tempat-tempat tadi. Keretapi yang dijangka membawa Hj. Nik Abdullah dari Singapura itu akan melintasi dan berhenti di stesyen-stesyen jajahan-jajahan ini dahulu sebelum ke stesyennya di Palekbang.

Sesampai sahaja keretapi yang membawa Hj. Nik Abdullah di tiap-tiap stesyen tadi, beliau telah didatangi dengan berlumba-lumba oleh orang-orang ramai tadi untuk bersalaman. Di stesyen keretapi bandar Kota Bharu apabila mereka melihat sahaja wajah Hj. Nik Abdullah muncul dengan diapit oleh empat orang pengikut yang kuat semenjak beliau berada di Mekkah lagi, terdengar suara-suara di kalangan mereka menyebut nama beliau seolah-olah mengkhobar kepada yang lain bahawa beliau sudah pun sampai.<sup>37</sup> Seterusnya ramai diantara mereka yang berada di situ

---

35 Untuk melihat tentang kandungan perbahasan ini sila lihat Nik Abd. Aziz bin Hj. Nik Hassan, "Perbahasan Tentang Jilatan Anjing: Suatu Perhatian," dalam *Jurnal Jebat*, bil. 9, 1970/80 h. 173-180.

36 Di antara stesyen keretapi Kota Bharu dengan stesyen keretapi di Palekbang terbentang sebuah sungai besar yang dikenali dengan nama Sungai Kelantan. Oleh kerana sungai itulah maka keretapi yang membawa penumpang-penumpang daripada Singapura hanya dapat berhenti di stesyen keretapi di Palekbang sahaja. Penumpang-penumpang yang hendak datang ke Kota Bharu yang berhenti di stesyen Palekbang itu akan menaiki motobot atau perahu menuju ke stesyen keretapi bandar Kota Bharu.

37 Keempat-empat pengikut Hj. Nik Abdullah itu ialah Hj. Nik Muhd Nor bin Hj. Wan Musa, Hj. Mat bin Ibrahim (Kota), Hj. Ismail bin Hj. Muhammad dan Hj. Abdul Rahman Mulong.



berlumba-lumba menerkam ke arah beliau untuk bersalaman. Di samping itu ramai pula yang tidak berupaya hendak berbuat demikian memanjangkan tengkok masing-masing sahaja untuk melihat wajah ulama muda ini. Kemudian daripada stesyen keretapi ini sampai keperkarangan rumah ayahandanya di Jalan Merbau, iaitu kira-kira satu batu jarak jauhnya, Hj. Nik Abdullah berjalan kaki dengan berduyun-duyun manusia mengikut beliau dari belakang. Di tepi-tepi jalan raya pula ramai orang-orang khususnya kaum perempuan menanti-nanti di hadapan rumah masing-masing untuk melihat wajah beliau.

Di Kota Bharu lebih-lebih lagi berdekatan dengan kawasan rumah ayahandanya apabila Hj. Nik Abdullah keluar sahaja berjalan-jalan kaki, beliau diperhatikan dengan penuh hormat oleh kebanyakan orangramai. Hampir pada tiap-tiap waktu sembahyang Jumaat pula ramai wanita-wanita tua dan muda yang tinggal diantara rumah beliau dengan Masjid Besar Muhammadi (jarak jauhnya lebih kurang hampir satu batu) menanti-nanti dipintu jendela rumah masing-masing untuk menatap wajah beliau. Selalunya pada masa ini beliau berjalan kaki bersama-sama dengan ayahandanya dan beberapa orang pengikut-pengikutnya menuju ke Masjid Besar Muhammadi untuk menunaikan fardhu sembahyang Jumaat.

Di dalam masa beberapa hari sahaja beliau berada di Kota Bharu ini, sekembali daripada Mekkah, dikatakan ramai ibubapa-ibubapa di dalam bandar ini sudah bercita-cita untuk bermenentukan beliau. Mereka ini kebanyakannya terdiri daripada sanak saudara ayahandanya dan bonda beliau sendiri. Menariknya ada beberapa keluarga tidak segan-segan lagi dikatakan berterus terang menawarkan anak perempuan mereka masing-masing kepada Hj. Wan Musa supaya dinikahkan dengan Hj. Nik Abdullah. Oleh kerana masing-masing pihak berebut-rebut untuk bermenentukan Hj. Nik Abdullah, maka timbullah pula pergeseran perhubungan peribadi diantara keluarga-keluarga yang berkenaan itu. Justru kerana terlampau kasih dan hormatnya kebanyakan anggota keluarga diraja terhadap Hj. Nik Abdullah, menyebabkan banyak kelengkapan-kelengkapan di istana telah dihantar-kan ke rumah ayahandanya untuk memeriahkan majlis perkahwinan beliau. Hj. Nik Abdullah selepas empat bulan berada di Kota Bharu sekembali daripada Mekkah telah berkahwin dengan seorang gadis di bandar Kota Bharu bernama Nik Zainab binti Hj. Nik Mat. Banyak lampu-lampu dan lain-lain kelengkapan yang digunakan untuk keramaian di istana telah dipasang mulai daripada rumah Hj. Wan Musa sehingga ke rumah pengantin perempuan sejauh lebih kurang lima ratus ela. Di antara kakitangan-kakitangan istana pula ramai telah dihantar untuk mengendalikan majlis perkahwinan itu. Mengikut salah seorang yang ada pada masa itu telah mengatakan bahawa majlis perkahwinan itu merupakan majlis keramaian yang terbesar di bandar Kota Bharu di dalam tahun-tahun 1930an yang diadakan di kalangan keluarga-keluarga yang termasuk di dalam golongan masyarakat pertengahan.

Melihat kepada sambutan-sambutan yang begitu hebat yang diberikan oleh orang-orang ramai terhadap beliau, Hj. Nik Abdullah menampakkan mempunyai strategik-strategik yang tersendiri pula di dalam menjayakan cita-cita untuk mengislahkan pemikiran anggota masyarakat negeri Kelantan baik untuk jenerasi akan



datang mahu pun untuk anggota-anggota masyarakat yang semasa.

Untuk melahirkan ulama-ulama yang seterusnya boleh bersama-sama mengajar dan meneruskan pengajaran beliau di negeri Kelantan, Hj. Nik Abdullah menganjurkan suatu pengajaran khas kepada lebih kurang dua puluh orang penadah-penadah kitab agama yang sudah pun mempunyai asas kekuatan memahami bahasa Arab dan lain-lain ilmu agama, di surau beliau sendiri. Menariknya di antara mereka-mereka itu ada pula terdiri daripada ulama-ulama yang sudah pun mempunyai pengikut-pengikut masing-masing khususnya seperti Hj. Asaad bin Hj. Daud. Kepada mereka-mereka ini, beliau mengajar metodoloji pentafsiran Al Quran dan Al Hadith demi untuk membolehkan pelajar-pelajar beliau seterusnya mentafsirkan dengan sendiri Kitabullah itu serta memahami kata-kata Rasulullah S.A.W. dan kemudiannya boleh pula berjihad. Beliau mengajar mereka itu dengan bersungguh-sungguh dan teliti di waktu pagi dan petang. Selepas beliau mengajar beberapa aspek metodoloji-metodoloji tadi beliau menimbulkan pula persoalan-persoalan untuk menguji sejauh mana pelajar-pelajar tadi dapat memahami pengajaran beliau. Disamping itu, beliau juga ada menimbulkan masalah-masalah di dalam mengkaji Al Quran dan Al Hadith dan seterusnya meminta pelajar-pelajar tadi mencari jalan penyelesaian yang tersendiri berasaskan kepada metodoloji-metodoloji yang diajarkan tadi. Untuk menajamkan pemikiran pelajar-pelajar, beliau ada memberi masa-masa tertentu kepada mereka supaya mengemukakan persoalan-persoalan, berbincang dan berbahas dengan beliau. Keseluruhan pengajaran-pengajaran beliau untuk mereka-mereka diatas ini dapat menarik minat pelajar-pelajar tadi. Mereka merasai apa yang mereka pelajari itu ialah sesuatu yang baru dan boleh memandu mereka kearah mengenali ilmu agama yang sebenarnya.

Atas kehendak beliau sendiri di surau ayahandanya, Hj. Nik Abdullah mengajar agama untuk orang awam diantara pukul tujuh malam sehingga pukul lapan malam pada tiap-tiap malam minggu. Mungkin beliau memilih untuk mengajar di surau ayahandanya daripada di surau beliau sendiri ialah kerana surau ini dari segi bentuk bangunannya lebih terbuka dan selesa untuk orang-orang ramai hadir dan mendengar pengajaran beliau. Pengajaran beliau disini ialah di dalam bentuk nasihat-nasihat berpandukan kepada pengertian ayat-ayat Al Quran. Tujuannya ialah untuk menyedarkan masyarakat umum supaya mengetahui akan kehendak Al Quran keatas diri mereka masing-masing didalam kehidupan sehari-hari. Selalunya pada waktu beliau hendak mengajar disini, orang-orang ramai datang mulai pada pukul enam petang lagi membanjiri kawasan surau itu. Oleh kerana tidak ada tempat untuk mereka-mereka yang datang kemudian di dalam surau itu, ramai pula diantara mereka terpaksa berdiri, bersela dan bertenggong di luar sahaja untuk mendengar pengajaran beliau .

Oleh kerana menunaikan kehendak anggota keluarga diraja, beliau mengajar pula makna-makna kitab Hadith Bukhari didalam bentuk nasihat pada tiap-tiap malam minggu di Balai Raja Muda. Pengajaran beliau disini mendapat sambutan daripada puluhan anggota keluarga diraja yang berada diatas balai dan orangramai yang bersesak berdiri, bersela dan bertenggong di luar berdekatan dengan balai itu. Justru kerana ramai sangat orang-orang yang datang mendengar pengajaran itu



menyebabkan ada pula penjual-penjual mengambil kesempatan menjual makanan dan minuman disitu.

Di rumah Hj. Wan Musa, Hj. Nik Abdullah pada tiap-tiap hari tidak putus-putus dikunjungi oleh orang-orang ramai yang datang daripada kesemua lapisan anggota masyarakat Kota Bharu. Kunjungan-kunjungan ini menunjukkan dengan lebih jelas lagi bahawa kealiman beliau tersebar luas dan benar-benar dapat mempengaruhi 'jiwa' anggota masyarakat Kota Bharu.

Ramai anggota-anggota keluarga diraja oleh kerana memandang tinggi akan kealiman Hj. Nik Abdullah, datang kerumah ayahandanya untuk mendapat nasihat-nasihat agama daripada beliau. Mereka itu ialah anggota keluarga Tengku Besar Ibnu Sultan Ahmad, anggota keluarga Tengku Long Salleh Ibnu Al Sultan Mulut Merah (Tengku Temenggong), anggota keluarga Tengku Chik Tuan Abdullah Ibnu Al Sultan Ahmad (Tengku Bendahara), anggota keluarga Tengku Chik bin Raja Muda Penambang (Tengku Panglima Raja), anggota keluarga Tengku Seri Wangsa dan anggota keluarga Tengku Sri Akar di Raja. Disamping itu Hj. Nik Abdullah juga ada diundang oleh Tengku Ibrahim Ibnu Sultan Muhammad IV yang bergelar Raja Kelantan untuk berbicara tentang hukum-hakam di Istana Si Chemerlang.

Ulama-ulama juga ada pergi berjumpa dengan Hj. Nik Abdullah untuk bertanya-tanya dan berbincang tentang hal-hal keilmuan. Mereka itu ialah Hj. Nor bin Hj. Ibrahim, Hj. Asaad bin Hj. Daud dan Hj. Ayub bin Hj. Hussein Kemboja.<sup>38</sup> Demikian juga pembesar-pembesar negeri, ada membuat kunjungan ke rumah Hj. Wan Musa untuk bertanya-tanya dan bercakap-cakap tentang hukum-hakam dengan Hj. Nik Abdullah. Diantara mereka itu ialah Datuk Hj. Nik Abdullah Setiausaha peribadi Raja Kelantan (Datuk Sri Diraja Kelantan), Datuk Nik Abdul Rahman (Datuk Amar Diraja Kelantan) dan Wan Hanafi Setiausaha Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Di kalangan orang-orang ramai pula semenjak kembalinya Hj. Nik Abdullah ke Kota Bharu pada tiap-tiap hari bertambah-tambah ramai lagi orang-orang datang ke rumah Hj. Wan Musa. Mereka ini datang daripada kawasan bandar dan kampung-kampung. Di kalangan orang-orang kampung pula, pada tiap-tiap hari ada-ada sahaja diantara mereka bermalaman di rumah Hj. Wan Musa. Mereka ini, disamping tinggal disitu selama beberapa malam ada pula menolong keluarga Hj. Nik Abdullah dengan membersihkan rumah dan halamannya, membuat reban ayam, membelah kayu api, pergi ke pasar untuk membeli belah dan menjaga kanak-kanak. Pada umumnya, sambil mereka ini berkunjung, mereka membawa pula buah-buahan, beras dan binatang-binatang ternakan untuk diberikan kepada keluarga Hj. Nik Abdullah. Semenjak kembali Hj. Nik Abdullah daripada Mekkah sehingga ke saat kematiannya, rumah ayahandanya dihujani dengan pemberian-pemberian tadi.

---

38 Hj. Nor bin Hj. Ibrahim ialah seorang ulama yang termuka dan berkeahlian di dalam ilmu falak di Negeri Kelantan. Mendapat pendidikan agama di Mekkah beliau sekarang memegang jawatan Mufti Negeri Kelantan.



Semasa Hj. Nik Abdullah sedang sakit tenat di rumah ayahandanya, berbagai-bagai ikhtiar telah dilakukan untuk menyembuhkan penyakit itu. Bomoh demi bomoh telah dipanggil oleh Hj. Wan Musa dan pengikut-pengikut beliau yang ramai itu. Namun demikian penyakit beliau semakin hari semakin bertambah teruk. Oleh yang demikian bertambah runsinglah di kalangan pengikut-pengikut beliau yang ramai itu. Apabila berita ini diketahui oleh Raja Kelantan, beliau dengan tidak sabar-sabar lagi pergi ke rumah Hj. Wan Musa untuk menyaksi dengan sendiri keadaan Hj. Nik Abdullah itu. Selepas menyaksi keadaan itu, beliau memerintahkan doktor peribadinya supaya mengubati penyakit Hj. Nik Abdullah ini. Walau bagaimana pun usaha-usaha itu menempuh jalan buntu. sehingga akhirnya Hj. Nik Abdullah menghembuskan nafasnya yang terakhir di waktu pagi pada 24 haribulan Mei tahun 1935, diatas tilam dengan dilingkungi oleh kaum keluarga, selepas delapan bulan sahaja berada di Kota Bharu sekembali beliau daripada Mekkah.

Selepas berita kematian Hj. Nik Abdullah didengari, ramai orang-orang laki-laki dan perempuan berduyun-duyun berjalan kaki menuju ke rumah Hj. Wan Musa untuk menatap wajah beliau pada kali yang terakhir. Semasa menyaksi mayat beliau yang terbujur kaku itu, ramai di antara mereka yang tidak sabar-sabar lagi teresak-esak menitiskan air mata.

Ketika jenazah Hj. Nik Abdullah di usung daripada rumah ayahandanya ke perkuburan Banggol, sejauh tiga batu jaraknya, deretan manusia sejauh satu perempat batu mengikutinya dari belakang. Sementara itu ditepi-tepi jalanraya pula ramai orang-orang berkelompok-kelompok menanti-nanti di hadapan rumah masing-masing untuk menyaksikan keranda jenazah beliau itu.

Ekoran daripada peristiwa kematian Hj. Nik Abdullah itu, ada beberapa ulama dan tokoh tempatan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang menunjukkan betapa tingginya anggapan mereka terhadap ketokohan ulama muda ini. Tok Khurasan selaku bekas guru beliau, ada mengatakan bahawa Hj. Nik Abdullah ini selama hayatnya hanya mengabdikan dirinya kepada ilmu semata-mata. Hj. Nor bin Hj. Ibrahim pula ada memberitahu kepada kawan-kawannya bahawa Hj. Nik Abdullah ialah seorang ulama yang benar-benar alim di negeri Kelantan ini. Seterusnya pula Datuk Hj. Nik Mahmud bin Hj. Ismail (Perdana Menteri Negeri Kelantan) ada mengatakan bahawa beliau sangat-sangat dukacita dengan kehilangan seorang ulama yang akan menjadi harapan negeri ini.

Sambutan-sambutan yang begitu hebat pada keseluruhannya yang diberikan kepada Hj. Nik Abdullah, ialah disebabkan oleh faktor-faktor yang seterusnya. Selain daripada faktor kealiman serta pula mendapat akuan daripada Hj. Wan Musa dan Datuk Hj. Nik Mahmud (Perdana Menteri Negeri Kelantan), Hj. Nik Abdullah mempunyai pula sifat peribadi yang tertentu yang dapat menarik minat orang-orang ramai di Negeri ini. Beliau pada lahirnya mempunyai sifat-sifat peribadi yang lemah lembut dan disebalik kemasyurannya itu senang pula hendak dijumpai oleh sesiapa pun. Seterusnya pula beliau juga mempunyai sifat-sifat peribadi yang dikaitkan dengan seorang wali dimana beliau tidak menampakkan membesar-besarkan diri semasa bercakap dengan orangramai dan kuat pula beribadah. Semasa mengajar,



beliau sangat bersungguh-sungguh dan mempunyai kebolehan pula di dalam menghuraikan sesuatu.

Sungguh pun kegiatan Hj. Nik Abdullah di Kota Bharu Kelantan selepas kembali daripada Mekkah begitu sngkat sekali akan tetapi ajaran ilmu Islam mengikut Tariq Shah Waliullah Al Dihlavi yang diasaskan oleh beliau telah dapat difahami oleh beberapa kalangan anggota masyarakat negeri ini. Seterusnya selepas tahun 1935 sehingga kepada masa kini munculnya ulama-ulama tempatan yang mengajar ilmu Islam mengikut Tariq ini seperti Hj. Nik Muhd Nazir bin Hj. Wan Musa, Hj. Ismail bin Hj. Muhammad Hj. Ayub bin Hj. Hussien Kemboja, Hj. Nik Muhd Salleh bin Hj. Wan Musa (1920–1972), Hj. Nik Mahmud bin Hj. Wan Musa dan Hj. Nik Abdul Rahman bin Hj. Nik Mahmud.

### **Kesimpulan**

Kelima-lima tokoh ini mempunyai perwatakan dan bidang keahlian ilmu yang berbeza-beza. Keahlian mereka dalam bidang-bidang tertentu ini telah mempolarisasikan perkembangan ilmu di Negeri Kelantan. Kegiatan mereka di dalam bidang keilmuan telah menjadikan Negeri Kelantan sebagai satu pusat pengajian ilmu yang benar-benar bermakna di alam Melayu ini, mulai pada penghujung abad ke 19 sehingga tahun 1940.